

BAB EMPAT

ANALISIS HUKUM PENGGUNAAN ETANOL DALAM MAKANAN DAN MINUMAN

4.1 Pendahuluan

Variasi isu yang timbul berkaitan etanol dalam makanan dan minuman memerlukan penentuan hukum terhadapnya. Status penentuan hukum berdasarkan metodologi tertentu iaitu prinsip-prinsip dasar dalam fiqh Islam. Selain itu, isu yang hendak ditentukan hukum juga perlu jelas. Oleh itu, sebelum analisis hukum dilakukan, pengkaji terlebih dahulu menganalisis konsep arak dan konsep alkohol bagi memudahkan penentuan hukum dilakukan.

Di sini, pengkaji membahagikan perbincangan analisis hukum penggunaan etanol dalam makanan dan minuman kepada tiga kategori. Pertama, analisis hukum etanol semulajadi dalam makanan berfermentasi. Kedua, analisis hukum penggunaan etanol industri dalam makanan dan minuman yang menjelaskan analisis hukum penggunaan etanol sebagai pelarut perisa dan pewarna dalam makanan dan minuman serta penstabil minuman ringan. Ketiga, analisis hukum etanol yang memabukkan (dalam arak).

Oleh yang demikian, diharapkan agar analisis hukum ini dapat merungkaikan isu-isu dan menjawab semua persoalan yang berkaitan hukum penggunaan etanol dalam makanan dan minuman.

4.2 Metodologi Penentuan Hukum Etanol Dalam Makanan Dan Minuman

Metodologi yang diaplikasi untuk menentukan status hukum penggunaan etanol dalam makanan dan minuman terdiri daripada prinsip *ḥalālan ṭayyibā*, teori *istihlak dan istiḥālah*, kaedah-kaedah fiqh (*Qawaid Fiqhiyyah*) serta konsep masalah dan mafsadah. Berikut adalah sekilas penjelasan berkenaan metodologi tersebut.

4.2.1 Konsep Halal dan Baik (*Ḥalalan ṭayyiba*)

a) *Ḥalalan ṭayyibā*

Pemakanan adalah aspek yang penting dalam kehidupan manusia kerana ia memberi impak yang besar terhadap tumbesaran dan akhlak seseorang. Oleh itu, pemilihan terhadap makanan yang berkhasiat perlu dilakukan dengan bijak dan dinilai dari sudut sumber dan hasil perolehan sesuatu makanan itu.¹ Islam menggariskan panduan dalam pemilihan makanan yang diberi keutamaan dari aspek kehalalannya dengan mengetengahkan konsep halal dan baik. Allah SWT memerintahkan umatnya supaya sentiasa mementingkan aspek halal dan baik dalam pemilihan makanan dan melarang memakan makanan yang haram. Hal ini ditegaskan menerusi firman Allah SWT :

يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya: ‘Wahai sekalian manusia, Makanlah dari apa yang ada dibumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikuti jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi kamu’.

Surah al-Baqarah 2: 168

¹ Lokman Ab. Rahman (2009), *Isu Halal Tiada Penghujung*. Melaka. Alambaca Sdn. Bhd.& PKPU, JAKIM, h. 31 & 32.

Imām Muḥammad Fakhr al-Dīn al-Rāzī mentafsirkan ‘*ḥalal ṭayyiba*’ seperti berikut: Pertama, *ṭayyib* dari sudut bahasa bermaksud suci dan halal. Halal disifatkan sebagai baik kerana haram disifatkan sesuatu yang buruk atau keji. Kedua, *ṭayyib* pada asal adalah sesuatu yang melazatkan dan disifatkan suci dan halal, najis ditegah ke atas individu, tidak lazat dan haram kerana syarak menegah terhadapnya. *Ṭayyib*’ dimaksudkan pada ayat ini terbahagi kepada dua bentuk iaitu sesuatu yang melazatkan dan sesuatu yang diharuskan²

Firman Allah SWT lagi,

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن
 كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١٧٢﴾ إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ
 الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَن أَضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ
 إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٧٣﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah daripada benda-benda yang baik (yang halal) daripada apa yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah SWT, jika kamu benar-benar hanya beribadah kepadaNya. Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, darah, daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah, maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyayang.”

Surah al-Baqarah (2): 172-173

Ayat ini ada persamaan dengan ayat 168 di atas, Imām Muḥammad Fakhr al-Dīn al-Rāzī mentafsirkan ‘*ṭayyib*’ ayat ini adalah halal, ia dari segi bahasa adalah satu pernyataan tentang sesuatu yang melazatkan yang boleh diterima baik (*al-mustaṭab*),

² Imām Muhammad al-Rāzī Fakhr al-dīn Ibn al-Ulāmah Ḍiyā’ al-Dīn Umar (1994), *Tafsīr al-Fakhrul al-Rāzī*, juz. 5. Beirut: Dār al-Fikr, h. 3& 4.

keluasan dalam makanan-makanan yang halal dan sedikit sahaja makanan yang ditegah atau dilarang.³

Ayat-ayat ini mengandungi satu kaedah asas yang menjadi keutamaan sistem pemakanan dalam Islam, iaitu memilih makanan dan minuman yang halal dan baik serta sesuai untuk tubuh badan. Halal yang dimaksudkan dalam ayat ini meliputi dari segi fizikal, mental atau akidah. Allah SWT mengharamkan minuman dan makanan tertentu, dan pengharamannya menimbulkan kemudaratan kepada fizikal dan mental atau akidah seseorang.⁴

Konsep halal dan baik dalam pemakanan perlu diteliti sebelum memutuskan sama ada sesuatu makanan itu sesuai dimakan atau tidak. Beberapa kriteria-kriteria makanan perlu dipenuhi bagi menjadikan makanan tersebut halal dan baik untuk dimakan, iaitu mestilah berkhasiat, berzat dan selamat untuk dimakan. Makanan baik tersebut diertikan sebagai makanan yang halal, bermutu, dan disediakan secara berkualiti⁵. Makanan halal adalah makanan yang bebas daripada sumber najis. Penilaian terhadap kenajisan ini bermula daripada penyediaan bahan mentah, proses pembersihan, penyimpanan, masakan pengilangan, pembungkusan dan pengangkutan. Ia bererti makanan tersebut mestilah bersih dan selamat untuk dimakan dengan memastikannya dari segala aspek, kebersihan, tidak tercemar, tidak rosak, disediakan dalam keadaan suci dan bersih.⁶

³ *Ibid.*, h. 10 & 11.

⁴ Lokman Ab. Rahman (2009), *op.cit.*, h. 31 & 32.

⁵ *Ibid.*, h. 31 & 28.

⁶ *Ibid.*, h. 31 & 29.

Malaysian Standard 1500:2004 turut mendefinisikan halal dan makanan halal. Berdasarkan standard ini, halal adalah perkara yang dibenarkan oleh syarak dan tidak dikenakan azab bagi orang yang melakukannya. Makanan halal bermaksud makanan yang dibenarkan oleh hukum syarak dan menepati syarat-syarat berikut:

- a) Makanan tersebut atau ramuannya tidak mengandungi mana-mana bahagian atau produk haiwan yang tidak halal kepada orang Islam mengikut hukum syarak atau produk daripada haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum syarak.
- b) Makanan tersebut tidak mengandungi ramuan daripada bahan najis mengikut hukum syarak
- c) Makanan tersebut adalah selamat dan tidak memudaratkan
- d) Makanan tersebut tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan peralatan yang dicemari bahan-bahan najis mengikut hukum syarak
- e) Makanan tersebut atau ramuannya tidak mengandungi mana-mana bahagian atau anggota manusia atau hasil daripadanya yang tidak dibenarkan oleh syarak
- f) Semasa penyediaan, pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan atau pengangkutan, makanan tersebut diasingkan dari makanan lain yang tidak menepati keperluan seperti dalam perkara a), b), c) d) atau e) di atas atau bahan-bahan lain yang telah disahkan sebagai najis mengikut hukum syarak.⁷

⁷ Jabatan Piawaian Malaysia (2009), *Malaysian Standard MS 1500, Halal Food Production, Preparation, Handling and Storage-General Guidelines*, c. 2. Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuan.

Menurut panduan halal haram yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, makanan halal boleh diertikan seperti berikut:⁸

- a) Bukanlah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda dari binatang yang orang Islam dilarang oleh hukum syarak memakannya atau yang tidak disembelih mengikut hukum syarak.
- b) Tidaklah mengandungi apa-apa benda yang dihukum sebagai najis mengikut hukum syarak.
- c) Tidak disediakan, diproses atau dikilang dengan menggunakan apa-apa alat yang tidak bebas dari benda-benda najis mengikut hukum syarak; dan
- d) Tidaklah dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya itu bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang tidak memenuhi kehendak-kehendak perenggan (a),(b) atau (c) atau apa-apa benda yang dihukum sebagai najis mengikut hukum syarak.

b) *Ṭayyīb* dari sudut keselamatan makanan

Keselamatan makanan didefinisikan jaminan bahawa makanan tidak akan menyebabkan bahaya kepada pengguna apabila ianya disediakan dan dimakan mengikut seperti tujuan kegunaannya. Keselamatan dalam ertikata makanan yang dimakan tidak mengandungi bahan pencemar pada aras yang membahayakan kesihatan sama ada di peringkat penghasilan, pengeluaran, pendedaran, penyediaan. Pengguna seharusnya memastikan keselamatan sesuatu makanan berada di tahap yang tidak membahayakan⁹

⁸ Anon (1984), *Garis Panduan Makanan, Minuman dan Penggunaan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Jawatankuasa Mengkaji Makanan dan Barang Gunaan Orang Islam, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

⁹Institut Kefahaman Islam Malaysia.

http://www.ikim.gov.my/v5/index.php?lg=1&opt=com_article&grp=2&sec=&key=1980&cmd=resetall.
3 Januari 2011.

Ia merupakan isu keselamatan awam yang penting. Kerajaan di seluruh dunia sedang mengambil usah secara intensif untuk memperbaiki keselamatan makanan. Banyak aduan dan berita yang didengar dan dibaca berkenaan dengan makanan Malaysia dikatakan tidak selamat untuk dimakan serta membahayakan kesihatan. Masalah keselamatan makanan berlaku disebabkan oleh tiga punca iaitu pencemaran disebabkan oleh mikroorganisma seperti kuman dan bakteria, bahan kimia yang digunakan dalam pembuatan dan pemprosesan makanan dan pencemaran fizikal seperti kotoran, debu dan sebagainya. Antara mikroorganisma yang menyebabkan pencemaran makanan adalah seperti *Salmonella*, *E. Colli*, *Vibrio cholera*, *Listeria monoctogens* menyebabkan pendarahan usus dan kumpulan bakteria *Campylobacter*.

Bahan kimia yang wujud secara semulajadi yang boleh memudaratkan kesihatan makanan termasuklah toksin daripada kulat dan cendawan. Ia juga boleh disebabkan bahan alah di dalam makanan laut dan kacang. Pencemaran makanan terproses akibat bahan kimia terjadi disebabkan oleh penyimpanan dan pengendalian makanan yang tidak betul. Penggunaan bahan penambah perisa yang dilarang juga boleh menyebabkan pencemaran makanan contoh penggunaan asid borik dalam pemprosesan mi kuning telah diharamkan di Malaysia.¹⁰

Aplikasi konsep halal dan baik amat penting di dalam pembuatan makanan bagi menghasilkan produk berkualiti dan bermutu tinggi serta terjamin kehalalannya. Ia perlu diteliti dan dijaga rapi dari pelbagai sudut sama ada premis, pekerja, peralatan dan mesin yang digunakan serta pengangkutan bagi pengedaran produk. Konsep ini juga penting difahami oleh seluruh masyarakat kerana Allah SWT telah menegaskan kepada

¹⁰ Persatuan Pengguna Standard Malaysia (STANDARDS USERS) (2008), *Situasi Keselamatan Makanan di Malaysia*, Siri Pandangan/Polisi STANDARDS USERS, Siri 03/02/08. Petaling Jaya Selangor: Persatuan Pengguna Standard Malaysia, h. 2&3.

kita untuk mencari dan mendapatkan yang halal lagi baik. Pelaksanaan terhadap konsep ini dalam pemakanan akan melahirkan yang baik bagi fizikal dan mental terutamanya dari sudut pembagunan rohaniah bagi setiap individu. Kesan dari sudut fizikal dapat dilihat apabila seseorang individu bebas dari penyakit berbahaya seperti diabetis, karies gigi, stroke, serangan jantung, darah tinggi dan sebagainya. Manakala dari sudut mental, ianya mempengaruhi tahap kecerdasan otak dan intelektualan seseorang individu. Kesan dari sudut spiritual seseorang individu dapat menjalani ibadah terhadap Allah SWT .

4.2.2 Teori *Istihlāk* dan *Istihālah* sebagai instrumen penentuan hukum

Teori *istihlāk dan istihālah* telah dibincang oleh ulama terdahulu. Kedua-dua teori ini merupakan cara penyucian makanan dan minuman dari bahan asalnya adalah najis dan haram menjadi bahan halal dan suci. Berdasarkan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Fiqh Sedunia pada Jun 1997, telah menyebut: “sesungguhnya bahan-bahan tambahan yang dicampurkan kepada makanan yang asal bahan tersebut adalah najis dan haram, akan berubah menjadi bahan yang halal dan harus dari segi syarak melalui dua cara:

1. Proses *istihālah* (proses perubahan bentuk dari segi zat, sifat)
2. Proses *istihlāk* (proses pemusnahan bentuk dari segi bau, warna dan rasa)”.¹¹

Oleh yang demikian, pengkaji terlebih dahulu menjelaskan kedua-dua teori tersebut untuk menentukan sejauhmanakah ia mempengaruhi atau sebaliknya bagi menentukan hukum penggunaan etanol dalam makanan dan minuman.

¹¹ Al-Ahkam Net. <http://www.al-ahkam.net/forum09/viewtopic.php>. 10 Disember 2010.

4.2.2.1 Teori *istihlāk* dari perspektif Islam

a) Definisi *istihlāk* (hancur zat)

Istihlāk dari sudut bahasa adalah berasal daripada kata dasar هلك *halaka* bererti musnah iaitu binasa, hilang, lenyap, rosak (*destroyed, wrecked, badly damaged*)¹² dan hapus sama erti hilang, lenyap, lesap (*disappeared, vanished*).¹³ هلك juga sinonim dalam bahasa Inggeris dengan *to perish*¹⁴; *to be annihilated, wiped out, destroyed*¹⁵ *to reduced to nought, to be damned*,¹⁶ *was ruined, feared*.¹⁷

Perkataan *istihlāk* adalah kata terbitan daripada استهلك *istahlaka* (menghabiskan) *spend away(wealth); to sink (a debt)*¹⁸ , استهلك ياستهلك , استهلاكاً *istihlākan* (penghabisan) bermaksud membelanjakan,¹⁹ menghabiskan²⁰ atau memusnahkan²¹ Dalam erti kata lain, *istihlāk* bermaksud proses pelarutan (*solvency*)²² pemusnahan (*extermination*)²³ penghabisan (*termination*)²⁴ , penghapusan

¹² Kelana C. M & Lai Choy (1998), *Kamus Pewira (A Latest Malay-English Dictionary)*. Selangor: Peberbitan Daya Sdn. Bhd., h954

¹³ *Ibid.*, h. 460.

¹⁴ John Wortabet & Harvey Porter (1954), *English-Arabic And Arabic-English Dictionary*, c. 2, New York: Frederick Ungar Publishing Co., h. 371.

¹⁵ Hans Wehr ed J. Milton Cowan (1971), *A Dictionary of Modern Written Arabic*, c. 3. New York: Wiesbaden: Otto Harrassowitz, h. 1031.

¹⁶ J.G hava (2007), *Arabic English Dictionary For Advanced Learners*, c.2. New Delhi, India: Goodword Books Pvt. Ltd, h. 833

¹⁷ H. Anthony Salmone (1972), *An Advanced Learner's Arabic – English Dictionary*. Beirut: Labrairie Du Liban, h. 1159).

¹⁸ J.G hava (2007), *op. cit.*, h. 833.

¹⁹ Hj. Wan`Abd al-Hamid bin Wan Teh et al, (2006), *Al-Mu`jam al-`Arabi al-Malayuwiyyah al-Kabir* (Kamus Besar Arab-Melayu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2533.

²⁰ Menghabiskan-menggunakan hingga habis , to finish, to complete-446

²¹ Melenyapkan, membinasakan, menghilangkan, merosakkan-to destroy utterly, to annihilate, to wreck. Lihat juga, Kelana C. M & Lai Choy (1998), *op. cit.*, h. 954.

²² Proses melarutkan, *Ibid.*, h. 802.

²³ *Ibid.*, h. 954.

²⁴ *Ibid.*, h. 446.

(*abolition, eradication*).²⁵ *Istihlāk* dalam bahasa Inggeris sinonim dengan *consumption; attrition, wear and tear, discharge, amortization*.²⁶

Istihlāk dari sudut istilah syarak menurut Ibn Taimiyyah adalah sesuatu bahan kotor seperti darah, bangkai, daging babi dan sebagainya terjatuh ke dalam air atau sebarang cecair (halal dan suci), lalu terlarut atau lopus di dalamnya tanpa meninggalkan kesan dari segi bau, warna dan rasa, maka campuran tersebut dianggap halal.²⁷

Istihlāk dari sudut istilah fuqaha adalah mengeluarkan sesuatu yang bermanfaat kepada manfaat lain yang dituntut oleh orang ramai atau sesuatu berubah daripada sifat kepada sifat yang lain.²⁸ *Istihlāk* boleh dinyatakan sebagai “apabila bahan najis dilarutkan dalam bahan yang suci, sifat bahan najis tersebut hilang dan menjadi tidak najis serta harus digunakan”.²⁹ Contohnya, jika binatang kencing di dalam tasik, selagi tidak berubah bau, warna, dan rasa air, maka air tasik tersebut masih suci dan menyucikan, harus diminum dan digunakan untuk berwuduk.³⁰

Dr. Nazīh Ḥammad mengklasifikasikan definisi *istihlāk* kepada dua pengertian. Pertama, perlarutan, pelupusan atau peluputan sesuatu bahan. Kedua, percampuran di antara dua bahan (material) yang menyebabkan hilang atau terlupus ciri kedua-duanya untuk dikenalpasti walaupun secara pastinya unsur bahan itu masih kekal dalam

²⁵ *Ibid.*, h. 460.

²⁶ Hans Wehr (edt J. Milton Cowan (1971), *op. cit.*, h 1031.

²⁷ Ibnu Taymiyyah (1998), *Majmū` al-Fatāwa Ibn Taimiyyah*, Mansurah: Dar al-Wafā', h. 284.

²⁸ Jumahūriyyah al-`Arābiyyah al-Mutahidah al-Majlis al-`ala Lishyu`ūn al-Islamiyyah (1390), *Māwsūah Jamāl `Abd al-Naṣīr fi al-Fiqh al-Islamī*, juz. 8. Beirūt: Dār al-Kitāb, h. 7.124.

²⁹ *Ibid.*

³⁰ *Ibid.*

campuran tersebut.³¹ Contohnya, jika berlaku percampuran antara setitik arak dengan air, arak tersebut terlarut dan tidak dapat dikenalpasti atau dibezakan antara keduanya. Ini adalah kerana percampuran itu menghilangkan sifat, bau, warna, bentuk daripada bahan asalnya. Oleh yang demikian, sesuatu yang telah bercampur itu telah berubah kepada menjadi harus setelah hilang unsur bahan najis yang diharamkan oleh syarak.

Dalam perbincangan sains, teori *istihlāk* merujuk kepada penguraian kimia (*chemical decomposition*). Penguraian kimia adalah perubahan kimia dengan sebatian yang dipecah menjadi sebatian sederhana atau elemen. Misalnya, kalsium karbonat ketika dipanaskan mengalami penguraian.³²

b) Pandangan Fuqaha mengenai *Istihlāk*

Istihlāk juga telah diterima pakai oleh para ulama untuk menentukan hukum makanan walaupun ia dikenali dengan pelbagai istilah yang berbeza. Namun, yang menjadi perselisihan dalam kalangan mereka adalah sejauh manakah teori *istihlāk* boleh diaplikasikan dalam bidang-bidang yang berbeza. Pelbagai pandangan diberikan oleh para fuqaha.

Al-Nawāwī menjelas pandangannya dalam kitab *al-Majmū` al-Sharh al-Muhadhdhab* berhubung teori *istihlāk* dengan menyatakan sesuatu masakan (yang bercampur tanpa disengajakan sekalipun) dengan daging manusia, tidak diharamkan kerana ia telah terurai (hancur di dalam campuran masakan tersebut). Begitu juga dalam

³¹ Nazīh Kamal Ḥammad (2003), *Al-Adāwiyyah al-Mushtamilah 'alā al-Kuḥūl wa al-Mukhaddarāt*. Beirut: Majālah al-Majmā` al-Fiqh al-Islāmī, bil.16, h. 79.

³² Chris Prescott (1999), *The Oxford Science Study Dictionary*. (t.t.p): Oxford University Press, h. 149. *Decomposition is a chemical change by which a compound is broken down into simpler compounds or elements. Heat is normally required, and such chemical reactions are called thermal decomposition. for example, calcium carbonate when heated undergoes thermal decomposition.*

kes air kencing atau bahan najis-najis lain, apabila ia termasuk ke dalam bekas simpanan air yang kuantitinya lebih daripada dua kolah maka ia tetap boleh digunakan selagimana ia tidak berubah sama ada dari segi bau, rasa, atau warna. Ini kerana air kencing tersebut telah terurai (kesannya hilang) dalam simpanan air yang lebih banyak. Ini adalah pendapat yang paling tepat (berhubung kaedah *istihlāk*).³³

Ibn Taīmiyyah dalam nukilannya kitab *Aḥkām al-Ṭahārah* berpendapat asal air adalah suci dan tidak najis. Apabila air tersebut berubah menjadi najis, haram digunakan. Berbeza sesuatu bahan najis apabila berubah menjadi menjadi suci, maka halal digunakan. Contohnya, apabila arak terjatuh dalam air dan berubah dan hilang warna, rasa, dan bau. Kemudian air tersebut (yang bercampur arak) diminum, bukan bererti minum arak, tidak wajib dikenakan hukuman hudud. Contoh lain, jika susu ibu terjatuh ke dalam air dan berubah sehingga tidak kekal kesan, air tersebut diminum oleh bayi, tidak diiktiraf sebagai anak susuan.³⁴

Fatwā Ibn Taīmiyyah dalam kitab *Aḥkām al-Ṭahārah* berkaitan prinsip *istihlāk* antaranya apabila jatuh anjing, atau babi atau unta, atau lembu atau kambing dalam perigi, kemudian mati di dalamnya.³⁵ Menurut jumhur ulama seperti Imam Malik, al-Syafi'i, dan Imam Aḥmad berpendapat ianya suci dan tidak najis apabila air sampai dua kolah sekira air perigi tersebut tidak berubah. Perigi yang terjatuh ke dalamnya sesuatu yang najis, sekiranya air tidak berubah dengan najis tersebut, maka ianya suci; jika masih terdapat baki najis, maka najis tersebut dibuang atau dilemparkannya, natijahnya

³³ Abū Zakaria Yahyā b. Sharaf al-Nawawī (t.t), *Al-Majmū' al Sharḥ al-Muhadhdhab*. Beirut: Dār al-Fikr, h. 39.

³⁴ Imām al-'Allāmah Taqī al-Dīn Ibn Taymiyyah (1987), '*Aḥkām al-Ṭahārah*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 31.

³⁵ *Ibid.*, h. 239 & 240.

keseluruhan air perigi adalah suci.³⁶ Hukum kenajisan dan cara penyucian bahan pepejal apabila masuk najis ke dalamnya telah disepakati oleh fuqaha. Cara penyuciannya dengan membuang najis tersebut serta kesan sekelilingnya, hukum baki bahan pepejal tersebut adalah suci.³⁷

Di samping itu, Dr Nazīh Ḥammād turut membuat penjelasan berkaitan teori *istihlāk* ini. Beliau berpendapat teori *istihlāk* adalah sama dengan teori *istihālah* iaitu bahan-bahan yang haram atau najis yang larut di dalam cecair yang suci, maka cecair itu dihukumkan sebagai halal kerana tidak terdapat lagi sebarang kesan daripada bahan-bahan najis tadi sama ada dari segi warna, rasa dan bau. Hujah beliau ialah dari segi namanya (sebagai bahan najis) sudah hilang kerana tidak lagi wujud sifat-sifat zahirnya dan kriterianya. Oleh sebab itu, hilang atau berubah juga hukum pengharaman atau kenajisannya kerana hukum syarak bergantung kepada kewujudan nama dan sifat-sifat pada sesuatu bahan itu.³⁸

³⁶ *Ibid.*, h. 241.; Ismāil bin Khazī Marḥabān (1426 h), *Masāil Imām Aḥmad bin Ḥanbal al-Fiqhiyyah riwayat Mahna bin Yaḥya al-Syami*, juz 1. al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-`Ulūm wa al-Hikām, h. 87&88.

³⁷ Abī `Umar Ḍabyān b. Muḥammad al-Ḍabyān (2005), *Mawsū`ah Ahkām al-Ṭahārah al-Najāsah*, j. 13. Riyādh: Maktabah al-Rushd, h. 633.; Imām Ibn Taīmiyyah (1991), *Mawsū`ah Fiqh al-Sunnah Fiqh al-Ṭahārah*. Beirut: Dār Fikr al-`Arabī, h. 199-201.

³⁸ Nazih Hammad (2004), *Al-Mawād al-Muḥarramah wa al-Najisah fī al-Ghiza' wa al-Dawā' bayna al-Nazariyyah wa al-Taṭbiq*, (terj.) Basri Ibarahim, *Penggunaan Bahan-bahan Yang Haram Dan Najis Dalam Makanan Dan Ubat-ubatan*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher, h. 37-48.

4.2.2.2 Teori *Istihālah* dari Perspektif Syarak

a) Definisi *Istihālah*

Istihālah adalah perkataan bahasa Arab yang berasal daripada perkataan *حول* atau *حال* yang bererti berubah³⁹ (*to change, transform*⁴⁰). Perkataan *istihālah* merupakan kata terbitan daripada *istahal* *إستحال* (mustahil)⁴¹ (*to pass from a state to another, to be absurd, to become crooked (bow), to be transubstiated (element)*⁴²), *yastahilu* *يستحل* (mustahil untuk dilakukan), *istihālah* *إستحالة* (tidak mungkin)⁴³ yang bermaksud berubah atau bertukar, seperti sebiji benih berubah menjadi seponhon pokok.⁴⁴

Ia juga sinonim dengan perkataan *إنقلب* (perubahan), dan *تغير* (pertukaran).⁴⁵

Istihālah diterjemahkan dalam bahasa Inggeris kepada ‘*transformation*’⁴⁶, *to be impossible*⁴⁷ *change, transformation, transmutation, turn, shift, transition; transubstantiation; impossibility, inconceivability, absurdity, preposterousness.*⁴⁸

³⁹ Muhammad b. Mukrim Ibn Manzur (1990), *Lisān Al-`Arab*. Beirut: Dār Ṣadīr, h. 185. Lihat juga Jumhūriyyah al-`Arābiyyah al-Mutahidah al-Majlīs al-`Alā lishu`ūn al-Islāmiyyah (1390), *Mawsūah Jamal `Abd al-Nasir fi al-Fiqh al-Islamī*, juz. 6. Kaherah: al-Majlis al-`Ala lishu`ūn al-Islamiyyah, h. 7. ; Muhammad Idris Abdul Al-Rauf Al-Marbawi (1990), *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr, h.156.

⁴⁰ Hans Wehr edt J. Milton Cowan (1971), *op. cit.*, h. 215.

⁴¹ Jumhūriyyah al-`Arābiyyah al-Mutahidah al-Majlīs al-`Alā lishu`ūn al-Islāmiyyah (1390), *op.cit.*, h. 7.

⁴² J.G hava (2007), *op. cit.*, h. 152.

⁴³ Ali Ma`shum & Zainal Abidin Munawkir (1997), *Kamus Al-Munawwar Arab-Indonesia Terlengkap*, c. 4, Indonesia: Pustaka Progressif, h. 312.

⁴⁴ Aḥmad al` Ayid et al. (t.t), *Mu`jam al-`Arabī al-Asāsī*. Al-Munazzamah al-`Arabiyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqafah al-`Ulūm, h. 366.

⁴⁵ Prof Dato. Dr. Mahmood Zuḥdi Hj. Ab. Majid, Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi & Mohammad Aizat Jamaludin, “Aplikasi Teori Istihalah sebagai Instrumen Purifikasi Alternatif terhadap Penghasilan Produk Makanan di Malaysia, (Kertas kerja Seminar Kebangsaan Kecemerlangan Tamadun Islam Dalam Agro, Sains dan Teknologi, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 1-2 April 2008), h.320.

⁴⁶ Munīr Ba `Al-Bakī (1999), *al-Mawrīd Mazduj*, c.33. Beirut: Dār Al-`Ilm al-Malāyīn, h. 984.

⁴⁷ `Abd bin Nuh Dan Omar Bakry (1993), *Kamus*. c.2, Kuala Lumpur: Victory Agencie, h. 92.

⁴⁸ Hans Wehr edt J. Milton Cowan (1971), *op. cit.*, h. 219.

Istihālah dari segi bahasa bererti perubahan sesuatu secara tabi'i dan sifat⁴⁹, sesuatu yang tidak mungkin atau mustahil sama ada dari segi perkataan atau perbuatan.⁵⁰ Dr. Wahbah Zuḥāyly mendefinisi *istihālah* kepada dua pengertian iaitu pertama; mustahil, tidak mungkin berlaku dan tidak bersesuaian (*munāsabah*). Kedua; perubahan sesuatu secara tabi'i, sifat, zat dan nama (*isim*)⁵¹.

Dari sudut istilah syarak, para fuqaha secara umumnya mentakrifkan *istihālah* sebagai perubahan dan pertukaran sesuatu bahan kepada sesuatu bahan lain yang meliputi perubahan zat dan sifat.⁵² Perubahan yang dimaksudkan dalam konteks hukum fiqh ialah perubahan sesuatu bahan najis kepada bahan suci, atau sesuatu yang diharamkan berubah menjadi sesuatu yang diharuskan oleh Syarak⁵³. Contohnya perubahan zat dan sifat arak melalui pemeraman dan khinzir melalui proses pembakaran.

Begitu juga perubahan yang berlaku apabila suatu najis jatuh ke dalam bahan yang bersih. Contohnya, babi jatuh ke dalam lautan garam sehingga berubah menjadi butiran garam,⁵⁴ perubahan darah kijang bertukar menjadi kasturi, arak bertukar menjadi cuka,⁵⁵ tahi binatang menjadi abu sebab pembakarannya.⁵⁶

⁴⁹ Qadhāfi `Azzāt Al-Ghanānim (2008), *Al-Istihālah wa Aḥkāmuhā Fī Fiqh Al-Islāmī*, Jordan: Dār Al-Nafā'is, h. 75.; Wizāratu al-Awqāf wa al-Na`syiūn al-Islāmiyyah (2005), *al-Mawsū`ah al-Fiqhiyyah*. juz. 3. Kuwait: Wizāratu al-Awqāf wa al-Na`syiūn al-Islāmiyyah, h. 213-214.

⁵⁰ Sa`dī Abū Jayb (1988), *Al-Qāmūs al-Fiqhī, Lughatan wa Iṣṭilāhān*, c. 2. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 105.

⁵¹ Wahbah Zuḥāily (2008), *Qadāyā al-Fiqh wa al-Fikr al-Mu`āsir*, Damshīq: Dār Al-Fikr, h. 58.

⁵² Majlīs al-`Ala li al-Shu`ūn al-Islamiyyah (1309 h), *Mawsū`ah Jamal `Abd al-Nasir fi al-Fiqh al-Islami*. Jil 5(t.t.p): (t.p), h. 7.

⁵³ Wahbah Zuḥāily (1997), *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, c. 4, Juz. 7, Damshīq: Dār Al-Fikr, h. 5265.

⁵⁴ Wizārah al-Awqāf wa al-Shu`ūn al-Islamiyyah (1984), *Al-Mawsū`ah al-Fiqhiyyah*, c. 3. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu`ūn al-Islamiyyah, h. 213.

⁵⁵ Wahbah Zuḥāily (2008), *op. cit.*, h. 58.

⁵⁶ Wahbah al-Zuḥāyly (1986), *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 100.

Dr. Nazīh Ḥammad menyatakan teori *istiḥālah* (teori perubahan zat) bermaksud apabila bahan najis atau haram berubah zat serta sifatnya menjadi satu bahan lain, walaupun berbeza dengan bahan yang asal sama ada dari segi nama, kriteria dan sifat, ia menjadi sesuatu yang halal.⁵⁷

Berdasarkan istilah saintifik yang sering diguna pakai, teori perubahan zat adalah suatu proses yang sama dengan teori *istiḥālah* dalam perundangan Islam. Ia juga merujuk kepada tindak balas kimia yang merubah sesuatu bahan menjadi bahan lain iaitu seperti perubahan minyak dan lemak yang diperoleh daripada berbagai-bagai sumber menjadi sabun.⁵⁸ Perkataan ‘zat’ merujuk kepada bahan atau jirim sesuatu.

Dari aspek makanan, zat merujuk kepada keadaan fizikal atau khasiat bahan makanan tersebut. Ciri-ciri yang terkandung dalam sesuatu zat atau bahan ialah bersifat wujud, rasa, bau, nampak dan jelas. Oleh itu, teori perubahan zat merujuk kepada satu proses perubahan atau penguraian yang berlaku terhadap satu bahan atau khasiat sesuatu makanan. Keadaan perubahan tersebut berlaku melalui beberapa proses penukaran sama ada menerusi mekanisme semulajadi atau secara sintetik dengan bahan kimia (campuran tangan manusia).⁵⁹

b) *Istiḥālah* mengikut pandangan fuqaha

Perselisihan dikalangan fuqaha hanya dari aspek pengaplikasian atau praktikal teori *istiḥālah*. Ulama mazhab Syafi'i tidak meluaskan pengaplikasian *istiḥālah* terhadap isu-isu baru. Manakala ulama mazhab Hanafi, mazhab Zahiri, Imam Malik, Ibn

⁵⁷ Nazih Hammad (2004), *op. cit.*, h. 20.

⁵⁸ Aḥmad Ibn Muḥammad al-Fayyūmī (1985), *Al-Miṣbah al-Munīr fī Gharīb al-Syarḥ al-Kubīr*, jil 1. Beirut: al-Maktabah al-Ilmiyyah, h. 190.

⁵⁹ Prof Dato. Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, Che wan Jasimah Wan Mohamed Radzi & Mohammad Aizat Jamaludin, (1-2 April 2008), *op.cit.*, h. 322.

Taimiyyah, Ibn Qayyim, Ibn Hazm, al-Syawkani meluaskan skop dan pengaplikasian teori *istihālah*.⁶⁰ Berikut adalah pendapat-pendapat dari pelbagai mazhab.

Mazhab Hanafi berpendapat, *istihālah* adalah satu proses yang boleh mengubah benda najis kepada suci sama ada terjadi secara semulajadi, atau tidak semulajadi, contohnya melalui proses pembakaran dan percampuran dengan bahan-bahan lain. Mereka bersandarkan pendapat bahawa zat sesuatu benda itu telah berubah kepada bentuk dan sifat yang lain. Al-Kasani berpendapat *istihālah* adalah sesuatu yang najis bertukar sifat dan zatnya maka terkeluarlah dari keadaan najis. Ini kerana najis adalah nama bagi sesuatu yang disifatkan. Apabila sesuatu yang disifatkan itu telah tiada, maka sifatnya juga tiada seperti arak bertukar menjadi cuka.⁶¹

Manakala mazhab Maliki berpendirian sesuatu perubahan yang baik adalah dikategorikan sebagai bahan suci. Manakala perubahan kepada buruk dianggap sebagai najis. Ia boleh difahami melalui nukilan kitab *Hāsyiyah al-Dasūqī `alā syarḥ al-Kabīr* yang menyatakan sesuatu bahan yang berubah kepada suatu yang baik adalah suci. Sebaliknya perubahan kepada bahan yang buruk dan kotor adalah najis. Contohnya, manusia walaupun daripada orang kafir adalah bersih kerana berlaku proses perubahan (*istihālah*) kepada yang baik. Manakala muntah yang keluar dari usus adalah najis kerana berlaku perubahan (*istihālah*) kepada yang kotor.⁶²

Mazhab Syafi'i pula berpendapat, *istihālah* suatu bahan yang najis tidak boleh berubah menjadi suci melainkan tiga keadaan. Pertama, arak yang bertukar menjadi cuka dengan secara semulajadi. Kedua, kulit binatang yang mati selain daripada anjing

⁶⁰Nazih Hammad (2004), *op. cit.*, h. 27.

⁶¹`Alā' al-Dīn Abī Bakr bin Mas'ūd al-Kasānī (t.t), *Badā'i al-Ṣanā' I fī Tartīb al-Syarā' i*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h.442.; lihat juga Imam Ibn Taimiyyah (1991), *op. cit.*, h. 198.

⁶²Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn `Arāfah al-Dasūqī (1980), *Hāsyiyah al-Dasūqī `alā Syarḥ al-Kabīr*. Kaherah: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, h. 50.

dan babi apabila disamak; ketiga, sesuatu bahan yang najis berubah menjadi kehidupan yang lain. Contohnya, bangkai berubah menjadi ulat kerana berlaku kehidupan baru secara semulajadi.⁶³

Mazhab Hanbali berpendirian hampir sama dengan mazhab Syafi'i iaitu teori *istihālah* ini hanya diterima dalam konteks arak menjadi cuka secara semulajadi. *Istihālah* yang terjadi sebab pembakaran atau percampuran adalah tidak suci.⁶⁴ Ini bererti, abu dan asapnya adalah najis, tanah liat yang dipenuhi najis binatang yang haram dimakan adalah najis walaupun dibakar untuk dijadikan pasu, tembikar, pinggan mangkuk.

Selain pandangan mazhab empat, dalam pengaplikasian teori *istihālah*, Ibn Hazm yang mewakili mazhab Zahiri berpendapat apabila sifat sesuatu bahan najis atau haram tersebut berubah, maka namanya turut berubah dan sifat najisnya terbatal. Ini kerana hukum penentuan hukum haram tersebut berdasarkan namanya. Oleh itu, bahan yang bertukar nama lain bersifat halal. Maka ia bukan lagi bahan najis dan haram, malah ia telah menjadi bahan baru.⁶⁵ Contohnya, jus buah-buahan yang menjadi arak, arak menjadi cuka,⁶⁶ air minuman yang berubah menjadi air kencing, makanan yang berubah menjadi tahi, tahi binatang yang digunakan sebagai baja tumbuhan, lalu tumbuhan tersebut mengeluarkan hasil berupa buah-buahan dan sayur-sayuran.⁶⁷

⁶³Shams al-Dīn Muḥammad bin Muḥammad (1994), *Al-Iqnā' fī Ḥil al-Alfāz Abī Syujā'*, jid.1. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 80; 'Abū Ishāq Ubrahim bin `Alī Ibn Yūsuf al-Fāirūz Abadī al-Shirāzī (t.t), *Al-Muhadhab*. (t.t.p): Dār al-Fikr, h. 48.

⁶⁴ Abū Muḥammad `Abd Allah Ibn Aḥmad Ibn Qudāmah (1984), *Al-Mughnī*. Beirut: Dār al-Fikr, h. 89.

⁶⁵ Abu Muḥammad `Ali bin Aḥmad bin Sa`id Ibn Ḥazm (1988), *Al-Muḥallā*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, j.1, h. 138.

⁶⁶ Al-Sheikh Sulaimān al-Banjirī (1951), *Najirmi `ala al-Khatib*. Juz 1. Mesir: Sharkati Maktabah wa Muṭbiah Muṣṭāfa al-Bābī al-Ḥalbī wa Aulāduhu, h. 295.

⁶⁷ Dr. Saadan Man (2009), "Pendekatan Istihalah Dalam Produk Yang Berunsurkan Babi" (Kertas Kerja Seminar Fenomena Najis Mughallazah Dalam Dunia Kontemporari di Dewan Auditorium SIRIM Berhad, Petaling Jaya, 8 Ogos 2009), h. 5.

Merujuk kepada persoalan kaedah *al-istihālah* dan *al-istihlāk*, wajar untuk mengaplikasikan kedua-duanya dalam penentuan hukum makanan. Namun demikian, ditegaskan bahawa penentuan hukum berdasarkan kedua-dua kaedah ini tidak wajar diaplikasikan dengan mudah iaitu dengan hanya berdasarkan kepada perubahan yang dilihat pada sifat luaran yang wujud pada sesuatu bahan makanan tersebut agar kita dapat memastikan bahawa perubahan yang telah berlaku adalah sememangnya melibatkan kesemua aspek iaitu perubahan dari segi warna, bau, rasa dan struktur kimia serta fizik bagi bahan terbabit. Tindakan ini penting bagi mengelakkan diri daripada termakan bahan najis dan haram tanpa disedari.⁶⁸

Pengkaji bersetuju kedua-dua teori ini merupakan cara penyucian yang dianjurkan Islam dalam kes bahan tambahan yang dicampur kepada makanan yang asal bahan tersebut adalah najis dan haram. Namun, menurut pengkaji *istihlāk* dan *istihālah* tidak sama. Ini kerana teori *istihlāk* adalah proses perlarutan atau pemusnahan dari segi bau, warna dan rasa. Pandangan ini selari pandangan al-Nawāwī dalam kitab *al-Majmū` al-Sharḥ al-Muhadhahab*. Manakala, teori *istihālah* pula adalah proses perubahan (transformasi) bahan najis dari segi zat dan sifat menjadi satu bahan lain yang suci seperti arak berubah menjadi cuka.

4.2.3 Kaedah-kaedah Fiqh (*al-qawaid al-fiqhiyyah*)

Kebanyakan hukum makanan dalam Islam tidak dinyatakan bentuk terperinci. Sebaliknya, banyak dinyatakan dalam bentuk prinsip-prinsip umum dalam merungkaikan persoalan terhadap pelbagai makanan baru yang dihasilkan.⁶⁹ Tāj al-Dīn al-Subkī al-Syāfi`ī mendefinisikan kaedah *fiqhiyyah* adalah perkara yang bersifat

⁶⁸ Muhammad Safiri bin Ismail (2008), "Makanan Ubahsuai Genetik (GM FOOD): Satu Analisis Hukum" (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 79.

⁶⁹ *Ibid.*, h. 28.

universal (*kulli*) dan banyak persoalan *juz'ī* yang dapat diaplikasikan padanya; di mana hukum-hukum *juz'ī* tersebut dapat difahami daripadanya.⁷⁰ Oleh yang demikian, beberapa kaedah-kaedah fiqh boleh diaplikasikan dalam metode pentarjihan hukum etanol dalam makanan dan minuman. Antaranya adalah seperti berikut:⁷¹

الأصل في الأشياء الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم

Maksudnya: Hukum asal sesuatu perkara itu harus sehingga ada dalil yang mengharamkannya.

الأصل في الأشياء الضارة التحريم

Maksudnya: Hukum asal benda yang berbahaya dan memudaratkan adalah haram

الوسيلة إلى الحرام حرام

Maksudnya: Segala perantaraan (perbuatan atau benda) yang membawa kepada haram hukumnya haram

التحريم يتبع الخبث والضرر

Maksudnya: Mengharamkan (sesuatu bahan) yang halal mengakibatkan timbul kejahatan dan bahaya

ما أدى إلى الحرام فهو حرام

Maksudnya: Apa-apa (bahan atau tindakan) yang boleh membawa kepada sesuatu yang haram maka ia juga adalah dianggap haram.

إذا اجتمع الحلال والحرام غلب الحرام

Maksudnya: Apabila bertembung unsur halal dan haram (dalam sesuatu perkara) maka hendaklah diutamakan unsur yang haram

⁷⁰ Taj al-Din al-Subki al-Syafi'i (1991), *Al-Ashbāh wa al-Nazā'ir*. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 10.

⁷¹ Imām Jalāl al-Dīn `Abd al-Rahman al-Suyūṭī (1938), *Al-Ashbāh wa al-Nazā'ir fi Qawā'id wa furu' fiqh al-Syafi'iyyah*. Mesir: Muṣṭafa al-Bābī al-Ḥalbī wa Aulāduhu, h. 59-60.; Yūsuf al-Qarāḍāwī (1977), *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fi al-Islām*, c. 11. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 18-26.; Ibn Qayyim al-Jawziyah (t.t), *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*. (t.t.p): Dār Ibn Qayyim, h. 219-229.; Ibrāhīm Muḥammad Muḥammad Maḥmūd al-Haridī (1998), *al-Madkhal ilā al-Qawā'id al-Fiqhiyyah al-Kulliyah*. Jordan: Dār `Umar, h. 73-77, 99-107, ; al-Sheikh Aḥmad bin al-Sheikh Muḥammad al-Zarqā' (2001), *Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, c. 6. Damsyiq: Dār al-Qalam, h. 47-53, 185, 187, 243. ; `Abd Karīm Zaydān (1986), *Majmū'ah Buḥūth Fiqhiyyah*. Beirut: Mū'assasah al-Risālah, h. 146-149.

إذا ضاق الأمر اتسع، وإذا اتسع ضاق

Maksudnya: Apabila sesuatu perkara menjadi sempit maka ia akan menjadi luas, namun apabila ia dilihat terlalu luas maka ia akan kembali menjadi sempit.

درء المفسد أولى من جلب المصالح

Maksudnya: Menolak kerosakan lebih utama dari mengambil kebaikan.

الأمور بمقاصدها

Maksudnya: Setiap perkara (perbuatan atau perkataan), bergantung kepada niat atau tujuannya

النية الحسنة لا تبرر الحرام

Maksudnya: Niat yang baik tidak dapat melepaskan benda yang haram

4.2.4 Konsep Masalah dan Mafsadah sebagai asas pemikiran Maqasid al-Syariah

`Izz al-Dīn bin `Abd al-Salām menyatakan bahawa semua masalah itu baik, bermanfaat dan bagus sedangkan mafsadah itu semuanya buruk, membahayakan dan tidak baik.⁷² Al-Imām al-Ghazālī menjelaskan masalah bermaksud menjaga dan mengawal terhadap tujuan dan matlamat Syarak, iaitu:⁷³

- i. Menjaga kesucian dan ketinggian agama (*hifz al-dīn*)
- ii. Menjaga keselamatan diri (*hifz al-nafs*)
- iii. Menjaga kebaikan dan kecergasan akal fikiran (*hifz al-aqli*)
- iv. Menjaga kebaikan keturunan (*hifz al-nasal*)
- v. Menjaga kesucian dan keselamatan harta benda (*hifz al-mal*)

⁷² `Izz al-Dīn `Abd Salām (1999), *Qawā'id al-Aḥkām fī Maṣāliḥ al-'Anām*. Juz.1. Beirut: Dār Kitāb al-Ilmiyyah, h. 12.; Yūsuf Aḥmad Muḥammad al-Badāwī (2000), *Maqāsid al-Shari'ah 'inda Ibn Taimiyyah*, Jordan: Dār al-Nafāis, h. 283.

⁷³ Abū Ḥamid Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (1993), *Al-Mustasfā min illm al-Usūl*, c.3, juz.1. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turath al-Arābī, h. 287.

Oleh yang demikian, setiap perkara atau tindakan yang mengandungi penjagaan ke atas lima perkara dianggap masalah, dan setiap perkara yang mencabuli lima perkara ini dianggap mafsadah, manakala pencegahan dan penolakannya di anggap masalah.

Bagi al-Syaṭibī, konsep masalah sebagai unsur utama dalam tujuan pelaksanaan Syariah dan masalah sama ertinya dengan maksud maqasid. Menurut beliau, masalah terdiri daripada masalah dunia iaitu segala perkara yang membawa manfaat bagi kehidupan dan menghindari kerosakan dan masalah akhirat adalah segala hal yang membawa keredhaan Allah SWT bagi manusia.⁷⁴ Manakala `Abd al-Karīm al-Zāydān pula menerangkan bahawa masalah ialah dari segi positifnya mendapat manfaat dan dari segi negatifnya menolak kemudaratan. Oleh sebab itu, beliau menyatakan bahawa masalah bermaksud menolak kemudaratan terlebih dahulu kemudian mendapat manfaat.⁷⁵

Fuqaha membahagikan masalah kepada beberapa pembahagian. Pembahagian masalah dari sudut kepentingan dan keutamaannya mengikut maqāsīd al-Shari`ah:

i. Memelihara keperluan asasi (*maṣlahah ḍarūriyyāh*)

Memelihara keperluan asasi merupakan masalah berhubung dengan keperluan manusia di dunia dan akhirat. Jika ia tidak wujud, maka berlakulah kepincangan hidup manusia dan kehilangan nikmat yang abadi di dunia dan mengalami keseksaan sertapenyelasan di akhirat.⁷⁶

⁷⁴ Al-Shāṭibī (1996), *Al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Shari`ah*, c.3, j.2. Beirut: Dār Ma`rifah, h. 321 & 322.

⁷⁵ `Abd Karīm Zaydān (2006), *Al-Wajīz fī Usūl al-Fiqh*. Beirut: Mu`assasah al-Risālah Nāsiyūn, h. 187.

⁷⁶ Al-Zuhāyli (2007), *op.cit.*, h. 310.; Al-Shaṭibī (1991), *Al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Shariah*, j.1. Beirut: Dār al-Kitāb al-`īyah al-Islmiyyah, h. 7.

Imam al-Ghazālī dan al-Syāṭibī menjelaskan bahawa memelihara masalah *ḍaruriyyah* merupakan susunan paling utama dalam susunan masalah iaitu menjaga lima keperluan (*al-ḍarūriyyat al-khams*) iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.⁷⁷

ii. Memelihara kepentingan manusia dalam keperluan harian (*maṣlahah ḥājīyyāh*)
Maslahah yang diperlukan oleh manusia untuk memberi kemudahan dan menghapuskan kesukaran daripada mereka. Namun, ketiadaannya tidaklah membawa kepada kepincangan hidup manusia sebagaimana ketiadaan *maṣlahah ḍaruriyyah* tetapi boleh membawa kesulitan hidup manusia. Walaubagaimanapun, bukan semua kesulitan di anggap *ḥājīyyāh*.⁷⁸ Contohnya, diharuskan berbuka puasa di bulan ramadhan bagi mereka yang sakit, solat qasar, jama`. Dalam aspek adat seperti diharuskan bergembira dengan rezeki yang baik dalam bentuk makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal, kenderaan dan sebagainya.

iii. Memelihara keselesaan dan keharmonian hidup (*maṣlahah taḥsīniyyāh*)
Maslahah yang diperlukan oleh manusia untuk menambah kemudahan dan kesenangan dalam hidup mereka. Ianya berkaitan dengan tuntutan maruah yang berkehendak berpegang dengan adat yang baik dan budi pekerti yang mulia. Namun, ketiadaan masalah ini tidak membawa kepincangan hidup tetapi membawa kepada kehidupan yang keji pada pandangan orang-orang yang berakal. Contohnya, Islam mengajar umatnya bersopan dalam makan dan minum, tidak berlebihan dalam makan minum, pakaian dan sebagainya.⁷⁹

⁷⁷ *Ibid.*, h. 8.

⁷⁸ *Ibid.*, h.9.; al-Zuhāyī (2007), *op.cit.*, h. 312.

⁷⁹ *Ibid.*

4.3 Analisis Hukum Etanol Semulajadi Dalam Makanan Berfermentasi

Fermentasi adalah proses pemecahan gula glukosa kepada alkohol (etanol) dan gas karbon dioksida. Proses ini berlaku tanpa kehadiran oksigen dan terjadi dengan bantuan bakteria dan yis. Fermentasi jenis ini dinamakan sebagai fermentasi beralkohol. Contohnya seperti cuka, tapai, roti, beer dan wain. Etanol wujud secara semulajadi dalam makanan yang melalui proses fermentasi.

Isu yang sering timbul, adakah proses fermentasi hanya untuk membuat arak? Berdasarkan pengamatan pengkaji, proses fermentasi tidak hanya terbatas untuk pembuatan arak semata-mata, tetapi pengaplikasian proses fermentasi lebih meluas dalam industri makanan. Ini kerana terdapat banyak produk makanan diproses melalui fermentasi seperti produk kicap, tempe, budu, cencaluk, belacan, tempoyak, tapai, nira, cuka, sos, yogurt, dan sebagainya. Di Malaysia, proses fermentasi telah digunakan untuk pelbagai jenis makanan seperti tempoyak yang dihasilkan daripada isi durian, cencaluk daripada udang geragau, budu daripada ikan bilis, tairu daripada susu dan sebagainya. Meskipun perubahan yang terjadi kepada bahan-bahan tersebut melibatkan proses fermentasi, namun begitu proses tersebut tidak melibatkan benda yang najis.⁸⁰

Isu ini turut dijawab dan dikupas oleh En. Dzulki-fly b. Mat Hashim selaku ketua Makmal Produk dan Proses Inovasi, Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia. Menurut beliau, proses fermentasi tidak hanya untuk pembuatan arak. Terdapat banyak produk makanan tradisional dan moden yang dihasilkan melalui proses fermentasi seperti cuka nipah, nira, kicap, budu, cencaluk, belacan, tempoyak, yogurt

⁸⁰ Anisah Ab. Ghani (2004), "*Istihalah* Dalam Pemakanan Dan Barang Kepenggunaan" (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Usul Fiqh 2004 di Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, Universiti Islam Malaysia, 15 -16 Disember 2004), h. 133.

dan lain-lain. Fermentasi tidak semestinya bertujuan menghasilkan produk memabukkan. Proses fermentasi secara umumnya merupakan kaedah pengawetan makanan yang menghasilkan perbagai produk tidak semestinya arak. Antara sumber asas menghasilkan produk-produk makanan melalui fermentasi adalah ikan menghasilkan budu, udang menghasilkan belacan, cencaluk. Selain itu, sumber kacang menghasilkan kicap, tempe; durian hasilkan tempoyak; tepung hasilkan *sour doh*.⁸¹

Pengkaji berpendapat status halal berdasarkan niat atau tujuan penghasilannya melalui kaedah fiqh الأمر بمقاصد ها bererti “setiap perkara (perbuatan mahupun perkataan), bergantung kepada niatnya atau segala perkara itu bergantung kepada tujuannya” memandangkan arak dan makanan-makanan berfermentasi dihasilkan melalui proses fermentasi yang sama.

Memang tidak dinafikan bahawa yis atau ragi digunakan dalam industri pembuatan makanan dan arak sebagai agen perubahan. Yis memang terdiri daripada banyak spesis (jenis) bergantung kepada jenis industri seperti roti, tapai, tuak, sake, dan sebagainya. Walaupun proses pembuatan roti dan tapai juga menggunakan ragi atau yis sebagaimana dalam industri arak, tapi niat atau motif industri roti dan tapai bukanlah menghasilkan produk yang memabukkan.

Industri arak atau bir sejak hari pertama ditubuhkan di bawah lesen *alcoholic beverages* (minuman beralkohol), memang objektif penubuhannya untuk menghasilkan produk yang memabukkan) maka ia haram dalam semua aspek. Manakala industri makanan yang diklasifikasi sebagai makanan harian seperti roti, kicap, tempe, tapai dan

⁸¹ En. Dzulkifly b. Mat Hashim, Ketua Makmal Produk dan Proses Inovasi, Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia. Temubual pada 22 Ogos 2010.

lain-lain, maka yis yang digunakan dalam industri roti dan tapai adalah halal walaupun ada etanol dalam proses pengeluarannya kerana etanol bukanlah tujuan akhir industri ini.

Berbeza pula dengan industri tapai bagi kaum dayak di Sarawak dan orang Jepun, kerana bukan *end product* (hasil akhir) mereka menghasilkan tapai tapi *end-product* ialah *khamar* atau arak iaitu air tapai dan sake (Jepun), sedangkan ia menggunakan yis yang sama. Jika niat asal untuk menghasilkan arak memabukkan, hukumnya haram disisi syarak. Ia bertepatan kaedah ما أدى إلى الحرام فهو حرام bererti “apa-apa (bahan atau tindakan) yang boleh membawa kepada sesuatu yang haram maka ia juga adalah dianggap haram”. Maka bertepatan dengan kaedah dicadangkan oleh En. Dzulkifly mengenai halal atau haram industri itu ditentukan pada niat atau objektifnya bukan pada inputnya iaitu yis dan proses fermentasi tersebut.

Makanan berfermentasi yang dimakan seharian mengandungi etanol secara semulajadi tetapi bukan dicampur arak. Contohnya, tempe, tapai dan kicap, cuka nipah, budu, belacan, cencaluk, tempoyak, keju, yogurt dan lain-lain. Dari segi sains makanan, ia mengandungi etanol semulajadi yang ramai orang tidak tahu dan hanya segelintir yang mengetahuinya seperti saintis makanan dan sebahagian orang kebanyakan.

Secara lumrahnya, pengusaha kicap atau budu misalnya, tidak akan menambah atau memasukkan etanol untuk menghasilkan produknya, namun mengapa wujud etanol di dalamnya? Inilah dikatakan etanol tersebut wujud secara semulajadi dalam kuantiti yang sedikit dan etanol tersebut bukannya arak. Jadi, etanol dalam kicap tersebut tidak boleh disamakan dengan minuman arak. Ini boleh dibuktikan dengan hujah dari seorang

mufti Ibrahim Desai daripada Darul Ifta`, Madrasah In`aamiyyah, Camperdown, South Africa.⁸²

“Alcohol as a substance is not mentioned in the Islamic sources, what is forbidden in Islam is that which intoxicates whether it is an alcohol or not. Alcohols are a big group of chemicals and not all of them are intoxicating so therefore not all of them are forbidden, only those alcohols that intoxicate are forbidden. Ethanol is the alcohol found in liquors, it is intoxicating so it is forbidden. There are other alcohols found in food such as glycerin, lauryl, sorbitol, mannitol, xylitol and lactitol but they are not intoxicating so they are not forbidden.

Jika ditinjau dari sudut sumber yang digunakan bagi penghasilan ketiga-tiga jenis makanan berfermentasi dalam bab ketiga,⁸³ semuanya bersumberkan tumbuh-tumbuhan iaitu tempe dan kicap daripada kacang soya manakala tapai dihasil daripada ubi kayu dan beras. Oleh yang demikian, makanan berfermentasi mengandungi etanol secara semulajadi adalah harus dimakan. Walaupun etanol telah wujud di dalam makanan tersebut, namun selagi kandungan etanolnya tidak memabukkan, maka ianya tidaklah haram dimakan. Namun sekiranya, kandungan etanol yang menyebabkan mabuk, hukumnya bertukar menjadi haram dimakan seperti tapai yang diperam melebihi tempoh. Ini kerana ianya membawa kemudaran pada diri, selaras kaedah fiqh *درء المفسد أولى من جلب المصالح* bermaksud “menolak kerosakan lebih utama dari mengambil kebaikan”. Oleh itu, sekiranya ianya dimakan dikhuatiri mabuk, lebih baik ditinggalkannya.

Berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 11-14 April 1984, menyatakan bahawa tapai halal dimakan.⁸⁴ Keputusan majlis fatwa yang mengatakan bahawa tapai halal dimakan adalah tidak mencukupi atau tidak lengkap.

⁸² Islamic Q & A Online With Mufti Ibrahim Desai. <http://www.ask-imam.com>. 5 Januari 2011.

⁸³ Lihat perbincangan 3.3 dalam bab 3.

⁸⁴ Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 11-14 April 1984.

Memanglah tapai yang berusia 2-4 hari adalah halal dimakan dan tidak memabukkan tetapi tapai yang dibiarkan pada suhu bilik melebihi 5 atau 6 hari adalah haram dan memabukkan. Namun tapai yang dibeli dan disimpan di dalam peti sejuk boleh terus dimakan walaupun berusia 7 hari kerana proses fermentasi oleh ragi atau yis sangat perlahan apabila disimpan di dalam peti sejuk kerana suhunya rendah.

Kandungan etanol di dalam tapai berdasarkan hasil dapatan kajian Makmal Produk dan Proses Inovasi, Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia adalah seperti berikut:

Jadual 4.1: Kandungan alkohol⁸⁵ tapai komersial (melalui fermentasi beras pulut)

Fermentation (jam)	Kandungan alkohol (etanol) (% v/v)
24	0.1
48	0.3
72*	0.8

* Tapai pulut adalah sedia untuk dimakan selepas 72 jam penapaian

Sampel tapai komersial	Kandungan alkohol(% v/v)
1	0.8
2	1.0
3	0.8
4	1.6

Sumber: Nurul Hayati, A.H. et al (2010),

Jadual 4.1 menunjukkan peratusan etanol yang berbeza mengikut tempoh masa ia melalui proses fermentasi. Pada tempoh 72 jam bersamaan 3 hari, jumlah etanol terhasil adalah sebanyak 0.8%. Daripada keempat-empat sampel tapai komersial, kandungan etanol paling tinggi adalah 1.6%. Oleh itu, dakwaan yang mempertikaikan mengapa tapai boleh dimakan dan bir tidak boleh diminum sedangkan kandungan etanol dalam tapai di antara 2% hingga 17% (tertaluk jangka masa disimpan) hampir sama

⁸⁵ Alkohol di maksudkan adalah etanol atau etil alkohol.

seperti kandungan bir antara 4% hingga 17%. Persoalannya ialah adakah tapai ini haram kerana kandungan di dalamnya adalah menyamai dengan minuman bir? Bagi menjawab persoalan ini, tapai yang diperam dalam tempoh 2 atau 3 hari ini adalah halal kerana ia bukan sesuatu yang memabukkan. Tapai pada usia ini hanya mengandungi sedikit kandungan etanol. Apabila tapai pulut atau tapai ubi ini dibiarkan pada suhu bilik untuk beberapa hari lagi, lebih banyak karbohidrat kanji ditukarkan kepada glukos dan etanol.

Tapai yang sudah berusia 6 hari rasanya walaupun manis namun terdapat rasa yang tidak enak dan rasa ini sebenarnya adalah disebabkan rasa etanol, kandungan etanol di dalam tapai ini boleh menjangkau lebih daripada 6 atau 7% iaitu menyamai kandungan etanol di dalam bir. Sekiranya kita makan tapai ini, gejala mabuk akan mula di kesan apabila muka akan menjadi warna kemerahan dan kepala mula pening. Pada tahap ini tapai yang asalnya adalah harus telah menjadi haram kerana ia memabukkan.


Pengkaji juga berpendapat minuman arak yang mengandungi etanol jelas secara mutlak pengharamannya. Pengharamannya bukan hanya sekadar mengandungi etanol, tetapi keseluruhan kandungan minuman arak terdiri daripada air, karbohidrat (glukos), mineral, vitamin dan etanol adalah diharamkan diminum berdasarkan nas *qat`i* dari syarak di samping *`illah* memabukkan.⁸⁶

Jumhur ulama bersepakat menyatakan arak dikategorikan sebagai najis. Apabila arak ini dikategorikan sebagai najis, apa yang dihukumkan najis bukan hanya etanol sahaja yang terkandung di dalam botol arak tetapi keseluruhan arak yang terdiri daripada air, karbohidrat, mineral, vitamin dan etanol semuanya najis. Air di dalam arak adalah najis dan begitulah juga vitamin yang terkandung di dalam arak. Sekiranya

⁸⁶ Lihat Perbincangan 2.2.2 dalam bab 2.

diasingkan air daripada minuman arak yang 100% terdiri hanya air, ia adalah tetap di katakan najis kerana air ini berasal dari najis arak. Sekiranya etanol dari arak ini diasingkan lalu menjadi 100% etanol, ia tetap najis kerana berasal dari najis arak. Namun sebarang etanol yang diperolehi selain daripada arak, ia adalah tidak najis. Kebanyakan alkohol di makmal tidak diperolehi daripada arak.⁸⁷

Apa yang menarik sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Islam ialah apabila arak ini telah bertukar kepada cuka, ia menjadi halal semula. Bermula sebagai halal iaitu jus anggur, kemudian ia bertukar kepada haram apabila menjadi minuman memabukkan (arak), namun apabila ia bertukar kepada cuka, ia kembali halal walau pun di dalam cuka ini mengandungi sedikit etanol.⁸⁸ Perubahan ini merupakan aplikasi daripada teori *istihālah* seperti diterangkan.⁸⁹



Sehubungan dengan itu, teori *istihālah* merupakan salah satu cara penyucian yang dianjurkan oleh Islam. Hukum cuka yang berubah daripada arak adalah halal berdasarkan sunnah Rasulullah SAW dan juga ijmak. Sabda Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Aisyah:

نعم الأدم أو الإدام الخلل

Maksudnya: “Sebaik-baik lauk (bahan yang menyedapkan makanan) itu ialah cuka”.⁹⁰

⁸⁷ En. Dzulkifly b. Mat Hashim, Ketua Makmal Produk dan Proses Inovasi, Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia. Temubual pada 22 Ogos 2010.

⁸⁸ Prof Madya Dr. Md Amin bin Abdullah, Pensyarah Kuliyyah Syariah, Kolej Universiti INSANIAH, Alor Star Kedah. Temubual pada 27 Oktober 2011.

⁸⁹ Lihat perbincangan 4.2.3 dalam bab 4.

⁹⁰ Imām Abū Ḥasan Muslim bin al-Ḥujāj al-Naiṣāburi, *Saḥīḥ Muslim, kitab al-Ashribah., al-Jāmi` al-Musnad al-Sahih al-Muhtasir*,. no. 34. نعم الأدم أو الإدام الخلل.

Di samping itu, hasil dapatan kajian makmal yang dilakukan Makmal Produk dan Proses Inovasi, Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia mengenalpasti beberapa makanan yang mengandungi kandungan etanol adalah seperti berikut:

Jadual 4.2 Peratusan Kandungan Etanol Dalam Makanan

Food Samples	Number of Sample Tested	Number of Sample contained Ethanol	Amount of Ethanol Detected (% V/V)
Energy Drink	13	5	0.002 - 0.142
Carbonated Drink	13	0	<0.001%
Tea and Coffee	19	4	0.002-0.053
Soy Bean Milk	5	5	0.003-0.013
Juices and Cordials	16	10	0.001- 0.122
Fermented and Cultured Drink	16	5	0.001-0.078
Sparkling Juices	5	5	0.003-0.049
Sauces	17	14	0.004-0.093
Vinegars	10	7	0.08-0.18
Flavouring and Colouring	5	3	0.002-3.510
Total	119	58	

Sumber: Makmal Produk dan Proses Inovasi, Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia. Lau S.V. et al (2010,)

Jadual 4.2 ini menunjukkan julat kandungan etanol yang dikesan di dalam beberapa makanan dan minuman dan dikategorikan secara kumpulan umum. Hanya 58 sampel yang di kesan etanol daripada 119 jumlah sampel dikaji. Selain itu, hasil makmal secara lebih spesifik berkaitan peratusan etanol adalah seperti berikut:

Jadual 4.3: Peratusan kandungan etanol kajian makmal tahun 2006

Jenis Makanan	Peratusan kandungan etanol (%)
Kicap	3
Kari	0.07
Cuka	0.5
Minuman berkarbonat	2

Sumber: Makmal Produk dan Proses Inovasi, Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia

Jadual 4.4: Peratusan kandungan etanol kajian makmal tahun 2010

Jenis Makanan	Peratusan kandungan etanol (%)
Tapai serdang, kajang	1.6%
Air nira nipah	Hari pertama, 0.03, 0.07 Hari kedua, 5.29%
Tempe	<0.01
Yogurt	0.5
Minuman tenaga	0.8
Minuman karbonat	Tidak dapat dikenalpasti kerana bawah 0.01
Tamar segar	0.134
Tamar kering	0.051

Sumber: Makmal Produk dan Proses Inovasi, Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia.

Jika dilihat daripada hasil makmal ini, teknologi kini boleh mengesan kandungan etanol dalam makanan dan minuman lebih kecil daripada 0.01% iaitu menggunakan gas chromatography yang terdapat di makmal IPPH,UPM. Pada tahun 2006, mesin gas chromatography boleh kesan 0.01 namun pada tahun 2010 terdapat gas chromatography lebih canggih dan boleh mengesan kandungan etanol sehingga 0.00001%.⁹¹

Piawaiian kandungan alkohol (etanol) yang dibenarkan dalam makanan oleh pihak JAKIM adalah 0.01%. Namun, pengkaji tidak mendapat maklumat justifikasi-justifikasi dalam penetapan kadar 0.01% oleh JAKIM atau Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sebagai had maksima yang dibenarkan dalam bahan makanan dan minuman. Ini mungkin kerana maklumat tersebut adalah sulit dan tidak dapat didedahkan kepada calon.

Walaupun demikian, pengkaji berpendapat piawaiian ini tidak lagi relevan diaplikasikan kerana terdapat pelbagai makanan berfermentasi yang mengandungi etanol lebih daripada 0.01%. Terdapat makanan yang mengandungi kandungan alkohol

⁹¹ En. Dzulkifly b. Mat Hashim, Ketua Makmal Produk dan Proses Inovasi, Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia. Temubual pada 22 Ogos 2010.

relatif lebih tinggi (sampai 0.1%) seperti cuka, minuman tenaga, kordial, tapai, kicap dan lain-lain tapi sifatnya tidak memabukkan.

Oleh demikian, piawaian ini masih lagi dinilai dan dipertimbangkan oleh pihak JAKIM setelah kertas kerja dibentang oleh pihak Institut Produk dan Proses Inovasi, Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia pada 5 Ogos 2010. Natiujahnya, pada 14 hingga 16 Julai 2011 Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Uqama Islam Malaysia diadakan membincangkan isu alkohol dalam makanan, minuman, pewangi dan ubat-ubatan. Antara keputusannya minuman ringan yang diproses/dibuat bukan dengan tujuan untuk menghasilkan arak dan mempunyai alkohol di bawah aras 1%v/v adalah harus (boleh) diminum serta makanan atau minuman yang mengandungi bahan perisa atau pewarna yang mengandungi alkohol untuk tujuan penstabilan adalah harus (boleh) digunakan sekiranya alkohol itu bukan dihasilkan dari proses pembuatan arak dan kuantiti alkohol dalam produk akhir itu adalah tidak memabukkan dan kadar alkohol tidak melebihi 0.5%.⁹²

Berdasarkan makanan berfermentasi yang dibincangkan dalam bab ketiga serta contoh-contoh lain yang diberikan yang mengandungi kandungan etanol kuantiti kecil, tidak lebih daripada 5%. Makanan-makanan ini tidak dikategori sebagai bahan yang memabukkan dan tidak termasuk dalam kumpulan arak atau memabukkan. Pada pandangan syarak, makanan berfermentasi ini adalah halal lagi baik dan menepati konsep halal dan baik yang telah dibincang. Hukumnya halal lagi baik kerana ia telah larut dalam cecair yang banyak, sehingga tidak ada lagi kesan rasa, warna mahupun bau. Hal ini jelas dalam teori hancur zat (*istihlāk*) iaitu bahan yang diharamkan dan najis

⁹² Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/>, 11 November 2011.

apabila larut di dalam cecair yang suci lagi banyak dengan tidak meninggalkan kesan terhadap rasa, bau dan warna, perubahan ini sebenarnya 'menghilangkan sifat najis dan haram dari segi syara`.

4.4 Analisis Hukum Penggunaan Etanol Industri Dalam Makanan Dan Minuman

4.4.1 Analisis Perbezaan Konsep Alkohol dan Konsep Arak

Sebelum menentukan hukum etanol industri dalam makanan dan minuman, pengkaji terlebih dahulu ingin memperbetulkan tanggapan kebanyakan umat Islam yang berfikiran setiap yang mengandungi alkohol adalah haram adalah tidak tepat. Maka perbezaan antara arak dan alkohol (etanol) perlu difahami terlebih dahulu. Ini kerana bukan semua alkohol itu arak dan bukan semua alkohol itu haram. Ia adalah dua istilah yang berbeza dan membawa maksud yang berbeza.

Dakwaan sebegini adalah salah kerana kesilapan dalam mendefinisikan kalimah *al-khamr*. Arak berasal daripada bahasa Arab *al-khamr*, diterjemah dalam bahasa Inggeris *alcohol*. Maka berleluasalah penggunaan *alcohol* ini dan disamakan dengan arak. Kekeliruan ini berpunca daripada penyalahgunaan penggunaan istilah ini. Padahal, bukan semua alkohol itu arak. Pengkaji mendapati hampir 70 peratus pengkajian buku-buku, makalah, artikel masih menggunakan istilah *alcohol* itu adalah arak. Penyalahgunaan terhadap penggunaan istilah ini menyebabkan penentuan hukum juga salah. Oleh itu, pendekatan pengkaji supaya dikekalkan pemakaian istilah *al-khamr* atau arak jika perbahasan dimaksudkan arak bukannya menggunakan istilah *alcohol* kerana menyebabkan kecelaruan dan kekeliruan pembaca.

Pandangan pengkaji disokong dengan pendapat En Dzulkifly b. Mat Hashim mengatakan tanggapan sedemikian tidak tepat. Salah tanggapan ini antara lain akibat kesilapan dalam menterjemahkan *khamar* daripada asal perkataan Arab kepada bahasa Inggeris sebagai alkohol. Sedangkan maksud sebenar *khamar* adalah arak. Contohnya, seorang tokoh Islam kontemporari, Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi pernah mengeluarkan pandangan bahawa penggunaan kandungan alkohol sebanyak 0.5 peratus adalah dibenarkan. Alkohol yang dimaksudkan adalah etanol yang digunakan sebagai pelarut seperti perisa atau pewarna makanan. Istilah alkohol yang dimaksudkan di sini bukanlah arak.⁹³

Setelah penggunaan istilah diperjelaskan dan pemakaian istilah perlu digunakan dengan tepat, analisis perbezaan antara kedua konsep tersebut dijelaskan. Apakah etanol sama sebagai arak? Arak adalah setiap minuman yang memabukkan dan menghilangkan kewarasan akal. Manakala, etanol adalah cecair (C₂H₅OH) yang mudah terbakar, mudah meruwap dan tidak berwarna, iaitu zat memabukkan di dalam minuman keras dan juga digunakan sebagai pelarut. Etanol dikenali sebagai alkohol bijirin (*grain alcohol*) atau alkohol minuman.⁹⁴

Perbezaan di antara alkohol dan etanol pula ialah, alkohol merujuk kepada sebatian yang umum. Manakala, etanol merupakan sebatian khusus daripada pelbagai jenis alkohol. Istilah minuman beralkohol dan arak juga sebenarnya berbeza. Minuman beralkohol adalah suatu istilah yang umum merangkumi semua jenis minuman yang mengandungi etanol termasuklah nira nipah, minuman tenaga dan lain-lain. Tetapi arak

⁹³ *Utusan Malaysia Online.*

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0525&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm. 20 Disember 2010.

⁹⁴Lihat penjelasan 2.3 dalam bab 2.

itu istilah yang dikhususkan kepada setiap minuman yang memabukkan dan menghilangkan kewarasan akal.

Seperkara yang perlu dijelaskan adalah tidak semua etanol terhasil daripada proses pembuatan arak. Ini kerana terdapat juga etanol yang terhasil daripada proses fermentasi yang bukan bertujuan untuk menghasilkan arak, seperti alkohol industri. Etanol juga boleh terjana secara sintesis kimia iaitu daripada sumber petroleum, melalui hidrasi etilena.⁹⁵

Isu yang timbul, oleh kerana arak dan etanol industri dihasilkan melalui proses yang sama iaitu proses fermentasi, adakah etanol itu haram kerana menggunakan kaedah sama? Perbezaan utama antara arak dan etanol industri ini adalah dari segi tujuan ia dihasilkan dan penggunaan atau pengaplikasiannya.⁹⁶ Etanol yang dihasilkan untuk tujuan penghasilan arak dan dijadikan minuman keras, maka ianya haram. Manakala etanol industri dihasilkan bertujuan industri dan berfungsi sebagai pelarut untuk pelbagai bahan industri seperti pelarut untuk pengekstrakan bahan warna, perisa, ubat-ubatan, bahan kosmetik, minyak wangi⁹⁷ adalah diharuskan.

Satu analogi bagi memahami perbezaan dari segi tujuan dan penggunaan walaupun proses sama, misalnya sebilah pisau sebagai wasilah, jika penggunaannya untuk memotong sayur-sayuran atau daging maka diharuskan, tetapi jika penggunaannya untuk membunuh, maka diharamkan. Hal yang sama juga seperti proses

⁹⁵ *Utusan Malaysia Online.*

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0525&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm. 20 Disember 2010.

⁹⁶ En. Dzulkifly b. Mat Hashim, Ketua Makmal Produk dan Proses Inovasi, Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia. Temubual pada 21 Disember 2010.

⁹⁷ *Utusan Malaysia Online. op.cit.*, 20 Disember 2010.

fermentasi, jika proses fermentasi yang dilakukan bertujuan untuk menghasilkan arak, maka diharamkan sebaliknya jika bertujuan menghasilkan etanol industri, maka diharuskan. Oleh yang demikian, wasilah tidak menjadi masalah dan tidak boleh dipersalahkan tetapi niat atau tujuan dan penggunaannya yang perlu dipertikai.

Begitu juga, penghasilan etanol oleh syarikat Fermpro, Chuping Perlis bukan bertujuan untuk menghasilkan arak, tetapi bertujuan untuk kegunaan industri. Ini selari dengan kaedah *al-'Umūr bi Maqāṣidihā* bermaksud sesuatu perkara itu dilihat atau bergantung berdasarkan niat atau tujuannya. Kaedah ini diaplikasikan oleh syarikat Fermpro, yang melihat niat atau tujuan itu penting dalam mengeluarkan produk.


Penerangan yang dilakukan oleh En Khairul Azhar, Pengurus Makmal Fermpro Sdn. Bhd. menegaskan tujuan penghasilan etanol di syarikat tersebut bukan untuk membuat arak tetapi untuk kegunaan industri-industri seperti industri kosmetik, ubat-ubatan, makanan dan minuman, keperluan harian rumah. Etanol yang dihasilkan berfungsi sebagai pelarut untuk pelbagai bahan industri dan digunakan dalam perisa, pewarna, cat, kosmetik dan ubat-ubatan yang tiada kaitannya dengan penghasilan arak.

98


Di sini pengkaji merumuskannya perbincangan proses pembuatan arak dan etanol melalui skema pembuatan bagi kedua-duanya seperti berikut:

Rajah 4.5: Fermentasi gula menjadi bir


⁹⁸ En. Khairul Akhbar Ahmad Zabidi, Pengurus Makmal Fermpro Sdn. Bhd. Temubual pada 24 Disember 2010.



Rajah 4.6: Fermentasi gula menjadi wiski/rum/brandi



Rajah 4.7: Fermentasi Etanol



Daripada skema pembuatan arak dan etanol di atas, jelas menunjukkan keduanya melalui proses yang sama iaitu fermentasi. Apa yang membezakan dari segi tujuan pembuatannya dan penggunaannya atau pengaplikasiannya yang berbeza. Ini

disokong oleh pendapat Wahbah Zuhāyilī dalam kitab *al-Fiqh al-Ḥanbalī al-Muyāssar bi 'adillatihi wa Ṭadbiqatihi al-Mu'āsīrah*⁹⁹ yang menjelaskan dalam penggunaan *al-kuḥūl* mengandungi pelbagai interpretasi, di mana penggunaannya sama ada untuk keperluan atau lebih kemudatan dengan bertujuan rawatan, merawat luka dan cedera maka diharuskan, Sebaliknya, sesuatu yang memabukkan dihukum sebagai najis di sisi fuqaha secara ijtihad untuk menjauhi daripadanya, kerana Allah SWT mengharamkan memakannya kerana banyak kemudatan. Oleh itu, etanol yang terkandung dalam arak tetap haram.

Sehubungan dengan itu, hukum etanol tulen adalah racun dan tidak boleh diminum kerana ia boleh membawa kemudatan ke atas diri individu. Dalil pengharaman apa yang memudaratkan berdasarkan firman Allah SWT :

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ
مُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: “Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik”.

Surah al-Baqarah (2):195

Setiap sesuatu yang membawa kepada kemudatan maka hukumnya haram. Etanol tulen (*pure ethanol*) diharamkan bukan kerana ianya najis tetapi disebabkan kemudaratannya. Begitu juga arak haram kerana kemudatan kepada akal, tubuh badan dan masyarakat.¹⁰⁰ Selain itu, etanol tulen haram diminum kerana racun didasarkan kepada prinsip asas syarak “الأصل في الأشياء الضارة التحريم” bermaksud hukum asal bagi setiap bahan yang memudaratkan (seperti racun atau memabukkan) adalah haram”.¹⁰¹

⁹⁹ Wahbah Zuhāyilī (1997), *Al-Fiqh al-Ḥanbalī al-Muyassir bi 'Adillatihi wa Ṭadbiqatihi al-Mu'āsīrah*. juz.1. Damsyiq: Dār al-Qalam, h. 44.

¹⁰⁰ Al-Sheikh Muḥammad bin Ṣalleh al-Uthaimīn (2004), *Al-Sharḥ al-Mamtū' 'alā zad al-Mustaḥna'*, j. 6. (t.t.p): Dār Manād, h. 264&265.

¹⁰¹ Al-Zarkasyī (2000), *op. cit.*, h. 322-324, ;Abd Karīm Zaydān (1999), *op.cit.*, h. 268.

Etanol adalah salah satu sebatian yang terkandung dalam arak dan sebatian inilah yang sebenarnya akan menyebabkan peminumnya menjadi mabuk. Selain daripada itu, arak juga mengandungi sebatian lain seperti ester, asid, aldehid, keton dan sebagainya yang membentuk sifat-sifat rasa arak itu.¹⁰² Oleh yang demikian, tidak bererti hanya etanol yang menjadikan arak itu memberi kesan mabuk, tetapi keseluruhan sebatian tersebut. `Ilah (sebab) pengharaman arak adalah kerana memabukkan. Jika `illah tersebut hilang, maka pengharamannya pun hilang. Ini bersesuaian kaedah “الحكم يدبر ما علته وجودا و عدما (hukum itu ada dilihat dari ada atau tidak adanya `illah)”. `Ilah ini berasal dari al-Qur’an, al-Sunnah dan ijma’ (kesepakatan ulama kaum muslimin).”

4.4.2 Analisis hukum penggunaan etanol sebagai pelarut perisa dan pewarna dalam makanan dan minuman serta penstabil minuman ringan

Majoriti industri makanan dan minuman menggunakan bahan tambahan ketika pemrosesannya seperti bahan perisa, bahan pewarna, bahan pengawet, penstabil dan sebagainya. Etanol digunakan bertujuan untuk melarutkan sesetengah bahan yang tidak larut di dalam air seperti pewarna, pengawet, perasa dan lain-lain.¹⁰³ Persoalannya, apakah hukum etanol yang digunakan sebagai pelarut bahan perisa dan pewarna dalam makanan dan minuman? Bagaimanakah status hukum makanan dan minuman yang menggunakan bahan perisa dan pewarna tersebut?

Contoh minuman yang menggunakan kaedah ini ialah minuman Coca Cola, Pepsi dan Mirinda. Kesemua minuman tersebut menggunakan bahan pewarna yang dilarutkan dengan etanol. Nama pewarna tersebut ialah Beta Carotene. Kaedah

¹⁰² *Utusan Malaysia Online.*

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0525&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm. 20 Disember 2010.

¹⁰³ Lihat perbincangan 3.2 dalam bab 3.

pelarutan ini mengguna pakai kandungan etanol dalam nisbah penggunaan sebanyak 0.2– 0.3 % sahaja dan dibolehkan menurut hukum syarak.

Bagi merungkai persoalan di atas, pertamanya pengkaji menghuraikan hukum penggunaan etanol sebagai pelarut perisa dan pewarna dalam makanan dan minuman, pengkaji menfokuskan perisa vanila bagi menjawab persoalan dalam bab ketiga. Sumber asas penghasilan perisa vanila adalah daripada tumbuh-tumbuhan iaitu buah atau bunga vanila. Proses penghasilan produk perisa vanila melalui ekstrak vanila. melalui proses *solvent extraction* iaitu menggunakan etanol dan air.¹⁰⁴ Syarikat Fermpro Sdn. Bhd juga mengedarkan produk etanol bagi industri makanan dan minuman, misalnya dalam pembuatan essen vanila. Etanol digunakan sebagai pelarut dan pengawet supaya produk tahan lama.¹⁰⁵ Julat kandungan etanol dalam bahan perisa dan pewarna adalah di antara 0.002-3.510% v/v berdasarkan hasil dapatan kajian makmal IPPH, UPM.¹⁰⁶

Ibn Rushd menyatakan penentuan hukum makanan yang berasal daripada tumbuhan adalah lebih mudah berbanding makanan yang dihasilkan daripada haiwan. Alasannya ialah kerana tumbuhan pada dasarnya dihukum sebagai halal selagimana tidak beracun, memabukkan atau memudaratkan kesihatan.¹⁰⁷ Pendapat ini disokong oleh Ibn Juzair yang turut berpendapat tumbuh-tumbuhan keseluruhannya adalah halal kecuali yang bernajis, memabukkan dan memudaratkan seperti racun.¹⁰⁸

¹⁰⁴ Lihat perbincangan 3.2.1.3 dalam bab 3.

¹⁰⁵ En. Khairul Akhbar Ahmad Zabidi, Pengurus Makmal Fermpro Sdn. Bhd., Temubual pada 24 Disember 2010.

¹⁰⁶ v/v adalah singkatan volume/volume, atau isipadu/isipadu.

¹⁰⁷ Abū al-Walīd Muḥammad bin Aḥmad bin. Muḥammad b. Aḥmad bin. Rushd (1952), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*, juz 1. Kaherah: Maṭba'ah al-Istiḳāmah, h. 456.

¹⁰⁸ Abī al-Kasim Muhammad b. Aḥmad ibn Juzāir (2008), *al-Qawānīn al-Fiqhiyyah*. Mesir: Dār Andalus al-Jadīdah lil Nashri wa al-Tāwzī', h. 190.

Begitu juga menurut panduan halal haram yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri,¹⁰⁹ semua tumbuh-tumbuhan halal selagi ia tidak mengandungi racun yang membawa bencana kepada manusia. Tumbuh-tumbuhan ini termasuklah daun, batang, akar, buah atau ubi. Walaubgaimanapun, tumbuh-tumbuhan yang merosakkan kehidupan adalah dilarang seperti ganja atau candu. Begitu juga sekiranya buah-buahan diproses dan boleh memabukkan. Interpretasi yang dibolehkan memakan tumbuh-tumbuhan ini disebut dalam surah al-An`am ayat 141. Hukum makanan dalam ayat al-Quran ini dinyatakan secara pernyataan biasa (*isyārah*) tanpa disertakan larangan yang mengulas tentang hasil tanaman, buah-buahan. Firman Allah SWT :

﴿ وَهُوَ الَّذِي أَنْشَأَ جَنَّاتٍ مَّعْرُوشَاتٍ وَغَيْرَ مَعْرُوشَاتٍ وَالنَّخْلَ
 وَالزَّرْعَ مُخْتَلِفًا أُكْلُهُ وَالزَّيْتُونَ وَالرُّمَّانَ مُتَشَبِهًا وَغَيْرَ مُتَشَبِهٍ
 كُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ إِذَا أَثْمَرَ وَآتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ
 لَا يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴾

Maksudnya: “Dan Dialah (Allah yang menjadikan untuk kamu kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar(kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan rasanya; dan buah zaitun dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan rasanya. Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari menuainya; dan janganlah kamu melampaui (apa-apa jua yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah SWT tidak suka kepada orang-orang yang melampau”.

Surah al-An`am (6): 141

Al-Syahid Sayyid Quṭb mentafsirkan ayat ini menyatakan bahawa Allah SWT telah menciptakan pelbagai jenis kebun-kebun tanaman yang dipelihara oleh manusia dan kebun-kebun pokok dan tumbuhan liar yang tumbuh sendiri dengan kuasa Allah

¹⁰⁹ Anon (1984), *Garis Panduan Makanan, Minuman dan Penggunaan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

SWT dan subur serta menjadikan buah-buahan yang beraneka warna, rasa dan rupa bentuk.¹¹⁰ Kemudian, Allah SWT memerintahkan manusia mengeluarkan hasil tanaman semasa dipetik buah-buahannya melalui zakat dan sedekah.¹¹¹

Sehubungan dengan itu, pembuatan perisa daripada tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan boleh digunakan kerana ia berasal daripada sumber yang halal dimakan kecuali ianya beracun dan boleh memudaratkan. Begitu juga perisa vanila yang berasal dari sumber tumbuh-tumbuhan. Penggunaan etanol industri dalam makanan sebagai pelarut bagi bahan perisa dan pewarna hendaklah hanya sekadar keperluan iaitu dalam kuantiti yang dibenarkan. Bertepatan dengan kaedah fiqh *الضرورة تقدر بقدرها*.

Oleh yang demikian, pengkaji kurang bersetuju dengan pendapat Che Wan Jasimah yang berpendapat bahawa etil alkohol digunakan sebagai pelarut untuk proses mengekstrak dalam penghasilan bahan perisa adalah haram. Beliau juga menyatakan haram minum minuman yang diperbuat dengan pewarna dan perisa kerana alkohol terdapat di dalamnya.¹¹² Mungkin seperti yang pengkaji utarakan di awal perbincangan, penggunaan istilah yang tidak tepat menyebabkan penentuan hukum juga tidak tepat.

Penggunaan pewarna dalam makanan dibolehkan, namun tidak melebihi piawaian yang telah ditetapkan. Ini adalah berdasarkan Keputusan Muzakarah jawatankuasa fatwa kali ke-37 pada 23 Mac 1995 yang telah dipersetujui dan diluluskan. Penggunaan pewarna (*cochineal*) dalam makanan berasaskan kepada ukuran

¹¹⁰ Al-Shahīd Sayyid Qutb, (2004), *Fi Zilāl al-Qurān*. Yusof Zaky Haji Yacob (Terj).Tafsir Fi Zilal al-Quran Di Bawah Bayangan Al-Qur'an. Jil 5. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd &Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia, h. 469.

¹¹¹ *Ibid.*, h. 470&471.

¹¹² Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi (2000), *Konsep Kesihatan melalui Pemakanan: Pendekatan Islam dan Sains*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., h. 92 & 93.

piawaian yang telah ditetapkan, tidak melebihi dari 0.003%-0.006%¹¹³ Selain itu, penggunaan bahan perisa dan pewarna hendaklah mengikut Peraturan-peraturan makanan 1985 yang telah diwartakan pada 28 September 1986 mengawal penggunaan *additive* di dalam makanan dan menjaga keselamatan pengguna.

Berdasarkan keputusan fatwa Kebangsaan ini, menunjukkan bahawa penggunaan pewarna di dalam makanan dibolehkan, namun tertakluk kepada piawaian yang telah ditetapkan iaitu tidak melebihi dari 0.003%-0.006%. Ini kerana kadar etanol yang dibenarkan sebagai penstabil di dalam bahan pewarna pada kadar yang ditetapkan sahaja. Walau bagaimanapun, daripada hasil kajian di lakukan di makmal Produk Halal UPM mendapati julat kandungan etanol dalam bahan perisa dan pewarna di pasaran Malaysia adalah di antara 0.002-3.510%.¹¹⁴ Justeru, piawaian yang ditetapkan pihak jawatankuasa fatwa JAKIM masih rendah dan memerlukan penilaian semula.

Justeru, pada pandangan syarak hukum penggunaan etanol dalam kategori ini sebagai pelarut bahan tambahan makanan, dikira sebagai benda halal yang baik berdasarkan kepada kaedah '*Umūm al-Balwa*'. Berdasarkan resolusi Nadwah Fiqh Perubatan kali ke 8 kelolaan Pertubuhan Ilmu-ilmu Perubatan Islam di Kuwait (Mei 1995), telah memutuskan:

" Bahan makanan yang ditaruh kuantiti kecil alkohol dalam pemprosesannya bagi melarutkan sesetengah bahan yang tidak larut dalam air seperti pewarna, pengawet dan lain-lain, harus mengambilnya kerana berdasarkan konsep "umum balwa" dan kerana kebanyakan alkohol telahpun hilang semasa pemprosesan makanan itu dilakukan"

¹¹³ Keputusan Fatwa Kebangsaan (2007), siri 1, c. ke-2. JAKIM. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, h.35.

¹¹⁴ En Dzulkifly b. Mat Hashim, Ketua Makmal Produk dan Proses Inovasi, Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia. Temubual pada 21 Disember 2010.

Oleh yang demikian, penggunaan etanol dalam industri pembuatan makanan dan minuman untuk tujuan mempercepat proses pertumbuhan makanan atau minuman (seperti ragi) dan untuk proses pencairan bahan-bahan untuk kegunaan pembuatan makanan dan minuman tersebut adalah dibolehkan atas dasar *umum al-balwa*.”

Oleh kerana etil alkohol digunakan dalam proses penghasilan perisa vanila (di campur sebagai bahan tambahan makanan dan minuman, timbul persoalan pula, adakah makanan dan minuman tersebut halal dimakan? Apakah hukum makanan yang dicampurkan campuran perisa vanila. Persoalan hukum makanan yang dicampur perisa dan pewarna, pengkaji hanya menganalisis makanan yang telah di bincang dalam bab ketiga iaitu coklat, kek, aiskrim dan minuman ringan (Coca-Cola, Pepsi Cola). Konklusinya, semua makanan ini menggunakan perisa dan pewarna dalam pemrosesannya.¹¹⁵ Penekanan di sini bahawa penggunaan etanol secara tidak langsung dalam pembuatan perisa dan pewarna, maka penggunaannya dalam makanan dan minuman juga bererti menggunakan etanol secara tidak langsung. Penggunaan esen vanila dalam pembuatan coklat susu sebanyak 0.16% manakala coklat putih sebanyak 0.03% perisa vanila, kek coklat sebanyak 2 camca teh esen vanila. Pada pandangan syarak, kategori makanan ini adalah halal dan baik berdasarkan teori *istihlāk*. Ini kerana etanol digunakan sebagai pelarut dalam bahan perisa dan pewarna telah larut di dalam cecair yang bercampur dengannya.

Oleh kerana perisa vanila halal dan dibolehkan, maka coklat dan kek juga halal dan dibolehkan untuk dimakan, kecuali terdapat unsur-unsur haram yang lain seperti unsur babi, arak atau racun. Interpretasi ini berdasarkan kaedah fiqh الأصل في الأشياء

¹¹⁵ Lihat perbincangan 3.4 dalam bab 3.

الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم bererti ‘hukum asal sesuatu perkara itu harus sehingga ada dalil yang mengharamkannya’.¹¹⁶

Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī menyifatkan kaedah ini besar manfaatnya dan boleh diaplikasikan dalam bab jual beli, hibah, sewa menyewa, dan lain-lain adat atau kebiasaan yang diperlukan oleh manusia dalam mengatur kehidupan mereka seperti makanan, minuman dan pakaian. Oleh itu, kaedah ini diaplikasi dalam bab makanan dan minuman, terbit kaedah ‘Asal makanan dan minuman adalah halal.’ Makanan dan minuman adalah halal dan boleh dimakan menurut hukum asalnya kecuali sesuatu yang memudaratkan maka haram ke atasnya.¹¹⁷ Ini berdasarkan umum surah al-Baqarah ayat 29.

هُوَ الَّذِي خَلَقَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ اسْتَوَىٰ إِلَى السَّمَاءِ
فَسَوَّاهُنَّ سَبْعَ سَمَوَاتٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٩﴾

Maksudnya:

“Dia lah (Allah) yang menjadikan untuk kamu segala yang ada di bumi, kemudian ia menuju dengan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit dengan sempurna; dan ia Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

Surah al-Baqarah (2):29

Hukum asal makanan adalah halal berdasarkan dalil di atas. Kalimah ما (*Ma*) adalah isim mawsūl membawa erti umum, keumumannya dikukuh lagi melalui perkataan جميعا (*jami'an*): setiap apa yang terdapat di bumi adalah halal dimakan, minum, pakai dan mengambil manfaat.¹¹⁸ Justeru, hukum harus setiap makanan yang suci dan tidak memudaratkan, contohnya biji-bijirin seperti beras, gandum, dan seumpama dengannya,

¹¹⁶ Ibn Qayyim al-Jawziyah (t.t), *op. cit.*, h. 219-229

¹¹⁷ Yūsuf al-Qaraḍāwī (Dr.)(1977), *Al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*, c. 11. Kāherah: Maktabah Wahbah, h. 21.

¹¹⁸ Al-Sheikh Muḥammad bin Ṣalleh al-Uthaimīn (2004), *op.cit.*, h. 259 &260.

buah-buahan seperti tamar, tin, anggur, limau dan pelbagai jenis lain. Oleh itu, kaedah ‘setiap makanan yang suci dan tidak memudaratkan adalah harus’ boleh diaplikasikan pada pelbagai jenis makanan.¹¹⁹

Sumber makanan terdiri daripada tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Sumber makanan selain haiwan semuanya harus kerana hukum asal sesuatu benda atau perkara adalah harus berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 29 kecuali yang bernajis, berdasarkan dalil surah al-Maidah ayat 91-92 dan memudaratkan seperti racun. Begitu juga, hukum asal minuman adalah halal dan harus kerana asal hukum sesuatu adalah harus kecuali sesuatu yang memabukkan samada sedikit atau banyak haram hukumnya, berdasarkan dalil-dalil pengharaman arak seperti bab kedua.¹²⁰

Oleh yang demikian, hukum penggunaan etanol dalam bahan pewarna dan perisa minuman ringan iaitu Coca-Cola dan Pepsi adalah diharuskan. Oleh itu, hukum meminumnya juga diharuskan. Beberapa justifikasi hukum penggunaan etanol dalam Coca-Cola dan Pepsi dan keharusan minum minuman ringan ini iaitu berdasarkan pandangan fuqaha dan fatwa-fatwa seperti berikut:

a) Muḥammad `Alī al-Bār (1984), *Al-Khamr Bāina al-Ṭib wa al-Fiqh*

Minuman ringan seperti Pepsi Cola, Coca-Cola, 7-up dan lain-lain mengandungi kandungan alkohol¹²¹ di dalamnya. Namun tidak ramai mengetahuinya. Adakah minum Coca-Cola, Pepsi-Cola memabukkan? Ulama bersepakat menyatakan bahawa minuman tersebut tidak memabukkan jika diminum. Pengharaman minum jika ia mabuk yang boleh menghilangkan kewarasan akal. Minuman tersebut halal kerana `illah

¹¹⁹ *Ibid.*, h. 264.

¹²⁰ Bahā’ al-Dīn `Abd al-Raḥman b. Ibrahīm al-Maqdisī (1998), *Al-`Udah Sharah al-`Umdah fī Fiqh al-Sunnah Imām Aḥmad b. Ḥanbal al-Shāibani*, c.5. Beirut: Dār al-Ma`rifah, h. 442.

¹²¹ Alkohol di maksudkan di sini adalah etanol.

pengharaman memabukkan tidak ada. Selain itu, ia tidak tergolong dalam golongan arak. Ia juga halal diminum kerana ia tidak campur kandungan arak. Kesemua minuman ringan seperti diatas seperti Pepsi Cola, Coca-Cola, 7-up dan lain-lain minuman ringan merupakan minuman yang baik yang di haruskan walaupun sebahagian bahan mentah (bahan pepejal) dicairkan adalah etanol.¹²²

a) Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

i. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-22 yang bersidang pada 24 Nov 1988 telah membincangkan alkohol sebagai penstabil minuman ringan. Muzakarah telah memutuskan bahawa kordial yang mengandungi bahan citarasa (*flavour*) yang dimasukkan alkohol untuk tujuan penstabilan adalah harus (boleh) digunakan untuk tujuan minuman sekiranya:

1. Alkohol itu bukan dihasilkan dari proses pembuatan arak.
2. Bahawa kuantiti alkohol dalam citarasa (*flavour*) itu adalah sedikit iaitu tidak memabukkan.

ii. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-7 yang bersidang pada 11-12 April 1984 telah membincangkan alkohol menurut pandangan Islam. Muzakarah telah memutuskan bahawa minuman ringan yang dibuat sama caranya dengan arak sama ada mengandungi sedikit alkohol atau alkoholnya disulingkan adalah haram diminum. Manakala, minuman yang dibuat bukan untuk dijadikan arak

¹²² Muḥammad Alī al-Bār (1984), *Al-Khamr bāina al-Ṭib wa al-Fiqh*, c. 6. Baghdad: Dār al-Sa`udiyah lil Nashri wa al-Tāwzi', h. 53-54.

atau bukan yang memabukkan dan tidak sama caranya dengan proses arak adalah halal diminum.

iii. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang membincangkan isu alkohol dalam makanan, minuman, pewangi dan ubat-ubatan pada 14 hingga 16 Julai 2011 memutuskan:¹²³

1. Minuman ringan yang diproses/dibuat bukan dengan tujuan untuk menghasilkan arak dan mempunyai alkohol di bawah aras 1%v/v adalah harus (boleh) diminum.
2. Manakala minuman ringan yang dibuat dengan niat dan cara yang sama seperti proses membuat arak, sama ada mengandungi banyak atau sedikit alkohol atau alkoholnya disuling adalah haram diminum.
3. Makanan atau minuman yang mengandungi alkohol secara semulajadi seperti buah-buahan, kacang atau bijirin serta perahannya, atau alkohol yang terkandung itu terjadi secara sampingan semasa proses pembuatan makanan atau minuman adalah tidak najis dan harus (boleh) dimakan/diminum.
4. Makanan atau minuman yang mengandungi bahan perisa atau pewarna yang mengandungi alkohol untuk tujuan penstabilan adalah harus (boleh) digunakan sekiranya alkohol itu bukan dihasilkan dari proses pembuatan arak dan kuantiti alkohol dalam produk akhir itu adalah tidak memabukkan dan kadar alkohol tidak melebihi 0.5%.

¹²³ Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/>, 11 November 2011.

e) Nadwah Perubatan Islam kali ke 8 (1995)

Nadwah ini dianjurkan oleh Pertubuhan 'Ilmu-ilmu Perubatan Islam yang berlangsung di Kuwait pada bulan Mei 1995 memutuskan bahawa:

“Jika ada alkohol¹²⁴ dalam kuantiti yang kecil dalam minuman berkarbonat seperti Coke adalah dibolehkan kerana ia bertujuan melarutkan beberapa bahan tertentu dalam komponen minuman itu seperti pewarna, pengawet, perisa, dan lain-lain. Kuantiti di dalamnya tidak melebihi 2-3%. Alkohol itu sebenarnya telah hilang rasa, warna dan juga baunya dan telah menjadi suatu sebatian yang lain dari alkohol. Ini menepati teori *al-istihlāk* (larutan) yang masyhur dalam Mazhab Hanafi.¹²⁵Teori ini menyatakan jika bahan yang haram itu sedikit dan telah hilang sifatnya dalam pemerosesan, maka ia tidak lagi haram bila sebatian itu menghilangkan sifat asal barang yang haram itu dari segi warna, bau dan rasanya. Ia juga menepati konsep *‘Umūm al-Balwā* (kesulitan yg sukar dihapuskan).”¹²⁶

f) Fatwa Al-Azhar

Lembaga Fatwa Al-Azhar berpendapat bahawa alkohol itu tidak najis manakala arak tetap najis. Jawatankuasa mengambil keputusan bahawa minuman ringan yang dibuat sama caranya dengan arak adalah haram. Alkohol yang terjadi secara sampingan dalam proses pembuatan makanan tidak najis dan boleh dimakan.¹²⁷

¹²⁴ Alkohol yang di maksudkan dalam keputusan ini adalah etanol atau etil alkohol.

¹²⁵ Lihat penjelasan 4.2 dalam bab 4.

¹²⁶ Asasian.Net Forum. <http://asasian.net/V2/modules.php?name=Forums&file=viewtopic&t=502>. 10 Oktober 2011.

¹²⁷ Halaqah,Forum Komuniti Muslim & Muslimah. <http://halaqah.net/v10/index.php>. 10 Oktober 2011.

g) Fatwa Mufti Selangor

Fatwa ini menjawab persoalan apakah hukum minyak wangi yang mengandungi alkohol? Jawatankuasa memutuskan bahawa:

“Setiap minuman arak mengandungi alkohol. Namun, bukan semua alkohol itu daripada arak. Alkohol daripada proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis tetapi alkohol yang dibuat bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram diminum. Adapun alkohol yang digunakan dalam minyak wangi tidak melalui proses pembuatan arak hukumnya adalah harus.”¹²⁸

Pengkaji berpendapat hukum ini juga boleh diaplikasikan dalam hukum makanan dan minuman yang mengandungi etanol industri, di mana etanol digunakan sebagai pelarut dan penstabil minuman ringan adalah diharuskan. Namun, pengkaji bersetuju bahawa alkohol daripada proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis tetapi alkohol yang dibuat bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram diminum. Justeru, penentuan hukum juga perlu dilihat kepada tujuan alkohol (etanol) dihasilkan dan penggunaannya. Jika ia bertujuan menjadikan arak atau memabukkan maka ia diharamkan. Namun, jika penghasilannya bertujuan menjadikan pelarut, antiseptik, bahan api dan industri lain maka dibolehkan. Oleh itu, proses fermentasi itu tidak menjadi punca kepada pengharaman arak tetapi tujuan dan penggunaannya.

Terdapat dakwaan yang mengatakan Coke yang dikilangkan di Malaysia sebagai haram diminum. Oleh yang demikian, pihak JAKIM menjawab dakwaan yang mengatakan Coke yang dikilangkan di Malaysia sebagai haram adalah tidak tepat. JAKIM telah membuat pemeriksaan dan pemantauan bagi memastikan bahawa Coke yang dikilangkan di Malaysia adalah halal dan selamat diminum, maka dakwaan ini tidak boleh diterima. Ini kerana Coke yang dikilangkan di Malaysia mengikut penetapan

¹²⁸Jabatan Mufti Negeri Selangor. <http://www.muftiselangor.gov.my>. 18 Julai 2010.

kadar 0.01% oleh JAKIM atau Jawatan kuasa Fatwa Kebangsaan sebagai had maksima yang dibenarkan dalam bahan makanan dan minuman. Para pengguna Islam di Malaysia sepatutnya lebih yakin dengan JAKIM berbanding pihak-pihak luar yang hanya menyebarkan dakwaan tanpa mengetahui tentang latar budaya dan sosial di Malaysia. Pihak JAKIM memainkan peranan bagi memastikan produk yang telah mendapat pengesahan halal JAKIM adalah benar-benar halal.¹²⁹ Misalnya, minuman ringan keluaran syarikat F&N seperti Coke dan 100 plus telah mendapat pengesahan halal JAKIM.¹³⁰

Secara umumnya, aiskrim yang mendapat pensijilan halal JAKIM, statusnya halal dimakan contohnya aiskrim keluaran Syarikat Herba Penawar Al-Wahida (HPA) Industries Sdn.Bhd, Syarikat Multinasional Unilever (Malaysia) Holding Sdn. Bhd., syarikat F&N Dairies dan lain-lain.¹³¹ Bahan-bahan asas untuk pembuatan aiskrim adalah terdiri daripada kuning telur, gula, krim susu (*whipping cream*) dan bahan perisa seperti esen vanila, strawberi, coklat dan sebagainya. Hasil kajian disertasi oleh Noor Asiah binti Aling (2004), menyimpulkan bahawa aiskrim keluaran syarikat F&N ini adalah halal dimakan. Justifikasinya daripada bahan mentah yang digunakan halal dan penggunaan mesin semasa proses pembuatan aiskrim ini juga tidak bercampur dengan unsur-unsur najis yang mengharamkan produk aiskrim. Semasa proses pembuatan aiskrim, penstabil dan pengemulsi digunakan untuk mengekalkan kualiti aiskrim tersebut. Menurut panel syariah kilang ini, penstabil yang digunakan adalah mengikut tahap ukuran yang dibenarkan oleh pihak JAKIM dan terjamin mutu serta halal.¹³²

¹²⁹ Halal Industry Development Corporation.
[http://e-halal.hdcglobal.com/aduan_siar_c.php?id=1696&a=UJ/url\[/code\]](http://e-halal.hdcglobal.com/aduan_siar_c.php?id=1696&a=UJ/url[/code]). 5 Januari 2011.

¹³⁰ Asasian Net, Dengan Asasi Anda Lebih Cemerlang.
<http://asasian.net/V2/modules.php?name=Forums&file=viewtopic&t=502>. 5 Januari 2011.

¹³¹ Lihat perbincangan 3.3.2 dalam bab 3.

¹³² Noor Asiah binti Aling (2004), "Barangan Tenuku Keluaran F&N: Satu kajian Berasaskan Hukum Kepenggunaan Islam" (Disertasi, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kuala Lumpur), h. 147.

Walaupun Syarikat Multinasional Unilever (Malaysia) Holding Sdn. Bhd. telah mendapat pengesahan sijil Halal JAKIM, timbul kekeliruan status halalnya di sebabkan dakwaan mengatakan aiskrim keluaran syarikat ini tidak halal. Justeru, Pengerusi Jawatankuasa Halal Unilever Malaysia, Nik Mustapha Nik Mohamed, menafikan dakwaan aiskrim Wall's tidak halal dengan menyatakan semua produk keluaran Wall's di Malaysia adalah halal dan memenuhi keperluan masyarakat Islam di negara ini. Beliau juga menegaskan sijil halal bagi setiap produk Wall's di negara ini dikeluarkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan The Central Islamic Committee of Thailand (TCICOT), Majelis Ulama Indonesia (MUI) serta China Islamic Association (CIA) yang merupakan badan-badan Islam luar negara yang diiktiraf JAKIM.¹³³

4.4.3 Hukum etanol yang memabukkan (dalam arak)

Semua makanan atau minuman yang mengandungi arak adalah haram dimakan. Para ulama bersepakat mengatakan bahawa arak yang dimasukkan ke dalam makanan atau minuman sama ada berbentuk cecair atau beku, haram dan tidak halal memakannya. Resolusi Nadwah Fiqh kali ke 8 pada Mei 1995 di Kuwait, Pertubuhan Perubatan Islam telah memutuskan:

“Tidak harus menggunakan makanan yang mengandungi kuantiti tertentu arak walaupun kecil, lebih-lebih lagi yang dijual di Negara Barat seperti sesetengah makanan sejuk seperti aiskrim, gelatin dan buza-minuman yang diperbuat daripada sekoi- dan beberapa minuman bergas sebagai mengambil kira kaedah yang menjelaskan benda yang banyak pengambilannya yang menyebabkan mabuk, maka sedikitnya juga dikira mabuk. Tidak ada aspek kelonggaran dalam masalah ini”.¹³⁴

¹³³ Harakah Daily Online
http://www.harakahdaily.net/index.php?option=com_content&task=view&id=9631&Itemid=5. 17
Disember 2010.

¹³⁴ Forum MAP (Motivasi Alihan Pelajar). <http://www.mindaplus.com/php>. 10 Oktober 2011.

Jumhur ulama telah memutuskan bahawa “setiap yang apabila diminum banyak memabukkan, maka sedikit pun adalah diharamkan.”¹³⁵ berdasarkan hadis daripada Jabir bin `Abd Allah. Berdasarkan ketetapan ini maka bir adalah diharamkan sama ada ia diminum sedikit atau pun banyak.

Contoh isu-isu arak dicampur dalam makanan dan minuman atau yang berlaku di Malaysia adalah seperti berikut:

i. Minuman ringan guna label buah, mengandungi alkohol¹³⁶

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), S. M. Mohamed Idris berkata, minuman ringan itu yang menggunakan label dan gambar buah-buahan kerana didapati mengandungi kadar alkohol sehingga 5.5 peratus. Maklumat mengenai kandungan alkohol dalam minuman itu dicetak dengan kecil dan sukar dibaca yang membuatkan pengguna menyangka bahawa mereka membeli minuman buah-buahan atau minuman ringan. Tetapi kini ia dijual dengan bebas kepada pelajar sekolah dan mudah diperolehi di pasar raya besar serta kedai roti sekitar ibu kota. Alkohol yang dimaksudkan di atas ini adalah arak. Minuman ringan ini mengandungi kandungan arak tetapi menggunakan label buah-buahan bagi menkaburi mata pengguna.

ii. Kek Blackforest

Black forest merupakan salah satu daripada variasi kek yang sudah tidak asing bagi pengguna di Malaysia dan Indonesia. Ia adalah kek coklat yang ditambahkan berbagai hiasan untuk mencantik penampilannya. Bahan-bahan yang digunakan dalam

¹³⁵ Imām al- Hāfiz Abī Dāud Sulaimān bin al-`ash`as al-Sajastanī al-Azdī (1983), *Sunan Abī Dāud*, “Kitab al-Asyribah”, *Bāb Ma Jaa’fi al-Sakr*, no hadis 3681 c. ke 2. Syria: Dār al-Hadis, h. 663.

¹³⁶ Utusan malaysia Online.

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=0201&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_05.htm. 18 Julai 2010

pembuatan black forest ini adalah sebagaimana bahan-bahan pembuatan kek lain seperti tepung, pelembut, coklat, margarine.

Selain itu, hampir semua black forest yang dijual di pasaran ditambahkan rum (salah satu jenis arak) pada resipinya.¹³⁷ Rum (berbentuk pasta) yang ditambahkan ke dalam adonan kek dan kemudian di tambah rum dengan cara menyembur pada kek yang sudah siap dibakar iaitu sebelum dan setelah diberi toping. Padahal, telah jelas bahawa rum adalah salah satu jenis arak yang haram digunakan bagi pengguna muslim. Oleh itu, semua jenis makanan yang mengandungi atau ditambahkan rum dalam resipinya adalah tidak halal dimakan bagi pengguna muslim.¹³⁸

*iii. Beeramisu: A Twist on Tiramisu*¹³⁹

Tiramisu adalah salah satu kek Itali yang paling popular. Ia dibuat daripada biskut (biasanya savoiardi) yang dicelup dalam kopi, berlapis-lapis dengan campuran dikacau dari kuning telur dan mascarpone, dan dibumbui dengan arak (Rum, Brandi) dan koko. Resepi ini telah diadaptasi menjadi pelbagai jenis puding dan kek¹⁴⁰ Biramisu adalah kombinasi antara dessert dengan bir yang menempatkan twist baru pada Tiramisu klasik

Etanol yang terdapat dalam arak adalah haram diminum. Begitu juga, makanan dan minuman yang dicampur dengan arak adalah haram dimakan. Penggunaan arak yang dimasukkan dalam makanan dan minuman dengan sengaja adalah tidak halal sama ada atau dalam kuantiti yang sedikit atau banyak. Ini berlandaskan hadis diriwayatkan daripada Jabir bin `Abd Allah r.a, “Apa yang memabukkan banyak maka yang sedikit

¹³⁷Berita Harian, Jun 7, 2007 “Makanan, minuman campur arak haram”.

¹³⁸ Halal Guide, your Guide to Islamic Life Style. <http://www.halalguide.info/2009/01/29/black-forest/>. 28 Disember 2010.

¹³⁹ Resepi Beermisu. <http://www.joomcool.com/forums/showthread.php?49079-Recipe-Beeramisu-A-Twist-on-Tiramisu>. 28 Disember 2010.

¹⁴⁰Wikipedia, The Free Encyclopedia. <http://en.wikipedia.org/wiki/Tiramisu>. 28 Disember 2010.

pun haram”.¹⁴¹ Status makanan dan minuman yang bercampur arak berbalik kepada hukum meminum arak berdasarkan dalil-dalil.¹⁴²

4.5 Kesimpulan

Konklusinya, penentuan hukum penggunaan etanol dalam makanan dan minuman berpandukan metodologi pentarjihan hukum yang bersesuaian dengan isu ini. Pengkaji membahagikan analisis hukum etanol kepada tiga kategori iaitu, pertama; etanol semulajadi dalam makanan berfermentasi adalah diharuskan kecuali ia memabukkan atau memudaratkan. Produk-produk makanan melalui fermentasi adalah ikan menghasilkan budu, udang menghasilkan belacan, cencaluk. Selain itu, sumber kekacang menghasilkan kicap, tempe; durian menghasilkan tempoyak; tepung menghasilkan sour doh.

Kedua, etanol industri yang digunakan sebagai pelarut dan penstabil dalam industri makanan dan minuman adalah diharuskan dengan kuantiti yang dibenarkan. Etanol digunakan dalam pembuatan bahan perisa dan pewarna makanan dan minuman sebagai pelarut diharuskan. Makanan dan minuman yang dicampur bahan perisa dan pewarna harus dimakan kecuali yang memudaratkan diri.

Ketiga, etanol memabukkan iaitu etanol dalam arak adalah diharamkan. Maka, arak yang digunakan untuk ditambah dalam makanan, minuman atau dalam persiapan makanan adalah haram. Contoh isu penggunaan arak dalam makanan dan minuman seperti minuman ringan guna label buah ada alkohol, kek Blackforest, dan Beeramisu.

¹⁴¹ Imām al- Hāfiz Abī Dāud Sulāimān bin al-`ash`as al-Sajastanī al-Azdī (1983), *Sunan Abī Dāud*, “Kitab al-Asyribah”, *Bāb Ma Jaa’fi al-Sakr*, no hadis 3681 c. ke 2. Syria: Dār al-Hadis, h. 663.

¹⁴² Lihat perbincangan 2.2.2 dalam bab 2.

Justeru, etanol yang tidak memabukkan dan memudaratkan dihukumkan sebagai harus digunakan. Manakala etanol yang memabukkan dan memudaratkan dihukumkan sebagai haram digunakan.